



**RISALAH
TASBIH & TAUHID**

© PERSATUAN KEBUDAYAAN MALAYSIA TURKI
MALAYSIA TURKEY CULTURAL ASSOCIATION (MTCA)

TAJUK	RISALAH TASBIH & TAUHID
ISBN	978-975-432-093-4
KARANGAN	BADIUZZAMAN SAID NURSI
PENTERJEMAH	MAHERAM BINTI AHMAD
SENARAI PENYUNTING	EMRE YASAR ADEM KILICMAN KHAIRUL ANUAR BIN MOHD. NAYAN NURULWAHIDAH BINTI FAUZI AZIZAN BIN TALIB
CETAKAN PERTAMA	2006
CETAKAN KEDUA	2022

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, menyimpan atau menyebarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Alamat surat menyurat di Malaysia: No: A-8-4, Idaman Putera
Condominium, Jalan Jernai, 53100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Malaysia

Tel : 0122769944 (Emre Yasar)
0176626110 (Ali Aydogan)

E-mail : emreyasar@yahoo.com
aydogan6366@gmail.com

Alamat Cetakan di Malaysia: Kencana Sdn. Bhd. No.7, Jalan Lengkongan
Brunei, Jalan Pudu, 55100. Kuala Lumpur, Malaysia

DARIPADA KOLEKSI RISALAH AN-NUR


RISALAH TASBIH & TAUHID



Badiuzzaman Said Nursi



*Penterjemah:
Maheram Binti Ahmad*



Kandungan Buku

Prakata	7
Riwayat Hidup Ringkas Badiuzzaman Said Nursi.....	9
Kemunculan Risalah an-Nur	12
Surat Kedua Puluh	16
Mukadimah.....	17
MAQAM PERTAMA: Kabar gembira dalam tauhid pada sebelas frasa.....	20
Perkataan Pertama : لا إله إلا الله	20
Perkataan Kedua : وَحْدَهُ	21
Perkataan Ketiga : لا شريك له	22
Perkataan Keempat : لَهُ الْمُلْكُ	23
Perkataan Kelima : وَلَهُ الْحَمْدُ	25
Perkataan Keenam : يُخَيِّبُ	27
Perkataan Ketujuh : وَيُؤْمِتُ	28
Perkataan Kelapan : وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ	29
Perkataan Kesembilan: بِيَدِهِ الْخَيْرُ	30
Perkataan Kesepuluh : وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ	32
Perkataan Kesebelas : وَاللَّيْلِ الْمَصِيرُ	34

MAQAM KEDUA : Petunjuk singkat tentang tauhid dilihat daripada sudut Ismul A'zam.....	37
Perkataan Pertama : لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.....	37
Perkataan Kedua : وَحْدَهُ.....	39
Perkataan Ketiga : لَا شَرِيكَ لَهُ.....	42
Perkataan Keempat : لَهُ الْمُلْكُ.....	42
Perkataan Kelima : وَلَهُ الْحَمْدُ.....	54
Perkataan Keenam : يُحْيِي.....	60
Perkataan Ketujuh : وَيُمِيتُ.....	63
Perkataan Kedelapan : وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ.....	65
Perkataan Kesembilan : بِيَدِهِ الْخَيْرُ.....	70
Perkataan Kesepuluh : وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.....	79
Perkataan Kesebelas : وَاللَّهُ الْمَصِيرُ.....	99
Lampiran : Dalam tauhid terdapat kemudahan mutlak.....	103

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ❁ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ❁ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Kita merafaqkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan inayah-Nya, Risalah Ikhlas dan Ukhwuwah ini telah selesai dihasilkan. Saya merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat terutamanya penterjemah dan penyunting yang telah dengan sukarelanya mengorbankan masa dan tenaga mereka untuk menghasilkan buku yang bernilai ini.

Badiuzzaman Said Nursi (1877-1960) ialah seorang ulama Ahli Sunnah wal Jamaah bermazhab as-Syafie yang melalui kehidupan pada akhir zaman pemerintahan Khalifah Uthmaniyah dan awal pemerintahan sekular kerajaan Republik Turki. Ulama yang tersohor ini berusaha membangunkan kembali masyarakat Islam Turki yang ketika itu telah tenggelam dalam lembah kemunduran duniawi dan ukhrawi. Beliau mengambil pendekatan yang menyentuh akal dan roh para pembaca melalui tulisan-tulisannya yang dinamakan Risalah an-Nur.

Buku ini mengandungi beberapa bahagian daripada bab-

bab kecil yang terdapat di dalam beberapa kitab Risalah an-Nur yang disusun semula oleh Ustaz Badizzaman Said Nursi untuk dijadikan satu buku kecil yang menyatukan soal-soal pengukuhan keimanan dan hal-hal yang berkaitan dengan kesepaduannya ibadah dan amal, termasuk yang ada kaitannya dengan kemaslahatan sosio-ekonomi-politik ummat Islam. Saya merasakan bab-bab dalam buku ini mempunyai hubungan yang rapat sekali dan patut dihayati bersama sebagai satu fahaman yang menyeluruh dalam membantu umat Islam kini di Malaysia, khususnya dalam menghadapi pelbagai cabaran terutama sekali yang berhubung dengan hal-hal keimanan.

Semoga segala usaha murni seperti ini dapat diteruskan dan dimanfaatkan oleh masyarakat dan mendapat keredaan Allah SWT.

Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zahidi Wan Teh

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

Bekas Mufti Wilayah Persekutuan

RIWAYAT HIDUP RINGKAS BADIUZZAMAN SAID NURSI

Badiuzzaman Said Nursi dilahirkan pada tahun 1877 di sebuah kampung yang bernama Nurs, terletak di Timur Anatolia, Turki. Perkataan Nursi diambil bersempena dengan nama kampungnya ini. Beliau menerima pendidikan awal dalam pelbagai bidang ilmu agama dan sains daripada beberapa orang ulama terkenal di sekitar daerahnya dan di beberapa daerah lain di Turki. Ketika masih muda, beliau telah menunjukkan kepandaian dan kemahiran yang luar biasa dalam pelajarannya. Hal ini membuatkan beliau terkenal bukan sahaja dalam kalangan guru-guru dan rakan-rakannya bahkan juga dalam kalangan orang ramai. Dalam masa yang singkat, beliau mampu mendalami ilmu tafsir, hadis, fiqh, mantik dan sains moden. Beliau juga berjaya menghafal lebih kurang 90 jilid kitab yang muktabar. Sewaktu berusia 16 tahun, beliau telah mengalahkan beberapa orang ulama terkemuka yang telah menjemputnya ke beberapa majlis perbahasan. Pada ketika itu, perbahasan merupakan suatu amalan biasa dalam kalangan para ulama. Seorang ulama terkemuka ketika itu kemudian menggelarnya “Badiuzzaman” atau “Keunggulan Zaman” setelah beliau berjaya mengalahkan beberapa orang ulama lain dalam perbahasan ketika beliau masih berumur 16 tahun.

Pengalaman beliau dalam pelbagai bidang pendidikan

yang dilalui telah mengubah fikirannya untuk memikirkan cara untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bersepadu. Ketika itu, dunia sedang memasuki satu zaman baharu yang membawa angin perubahan di mana ilmu sains dan ilmu mantik memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian. Beliau berpendapat bahawa ilmu agama perlu diajar di sekolah-sekolah moden, dan sebaliknya ilmu sains moden perlu diajar di sekolah-sekolah agama. Beliau berkata, “*Dengan cara ini, para pelajar di sekolah moden dapat dilindungi daripada kekufuran dan para pelajar di sekolah agama dapat dilindungi daripada sikap taasub*”. Dalam usaha merealisasikan cita-cita dan impian beliau untuk mendirikan sebuah universiti di Anatolia Timur, Badiuzzaman telah pergi ke Istanbul sebanyak dua kali. Kali pertama beliau pergi ke Istanbul untuk bertemu dengan Sultan Abdul Hamid dan pada kali kedua pula untuk bertemu dengan Sultan Muhammad Resyad. Badiuzzaman telah dilantik sebagai wakil bagi Timur Turki untuk mengiringi Sultan Muhammad Resyad melawat beberapa daerah di wilayah Balkan. Ketika berada di Kosovo, sebuah tempat di mana sultan bercadang untuk membina sebuah universiti di situ, beliau telah berkata kepada sultan, “Kawasan Timur lebih memerlukan sebuah universiti kerana ia merupakan pusat dunia Islam” dan telah berjaya meyakinkan Sultan Muhammad Resyad. Malangnya, pembinaan universiti tersebut tidak dapat disiapkan kerana teretusnya Perang Dunia Pertama beberapa tahun kemudian.

Semasa teretusnya Perang Dunia Pertama, Badiuzzaman telah dilantik sebagai komander pasukan sukarelawan di medan perang Kaukasia dan Anatolia Timur. Di medan

perang inilah beliau telah menulis tafsirnya yang bertajuk “Isyaratul I’jaz” dalam bahasa Arab. Beberapa bahagian daripada tafsir ini ditulis ketika beliau menunggang kuda di barisan hadapan dan di dalam kubu-kubu pertahanan di medan perang. Tafsir ini kemudian mendapat penghargaan daripada para ulama terkenal di Turki dan Kaherah.

Pada tahun 1911, Badiuzzaman telah dijemput ke Damsyik untuk menyampaikan khutbah di Masjid Umayyad. Para jemaah yang hadir ketika beliau menyampaikan khutbah itu termasuklah seratus orang ulama yang terkenal. Dalam khutbahnya, beliau telah menyebut bahawa tamadun sebenar umat Islam akan ditegak atau direalisasikan pada era dunia moden.

KEMUNCULAN RISALAH AN-NUR

Sepatutnya penyebaran hal-hal keimanan bukanlah sesuatu yang perlu dibimbangkan. Berdakwah juga bukanlah satu jenayah yang melayakkan nyawa seseorang diancam. Namun begitu, hal-hal ini dianggap satu jenayah ketika itu di mana kezaliman pihak berkuasa menyelubungi negara Turki dengan dahsyatnya. Azan telah diharamkan. Beratus-ratus masjid telah digunakan untuk tujuan bukan keagamaan. Perancangan telah dijalankan untuk memutuskan negara Turki daripada zaman silamnya yang terkenal dengan segala nilai-nilai akhlaknya yang mulia. Pada ketika itu, sesiapa yang ingin bercakap mengenai agama, memerlukan keberanian yang tinggi.

Dalam suasana beginilah Badiuzzaman Said Nursi memasuki bahagian kedua hidupnya yang digelar “Said Jadid” (Said Baharu). Bahagian kedua dalam hidupnya ini ditumpukan sepenuhnya terhadap penulisan dan penyebaran Risalah an-Nur yang bertunjangkan iman dan Islam. Baginya, hakikat iman adalah kebenaran sejagat yang paling penting. Menghidupkan semula iman dan Islam menjadi matlamatnya apabila beliau berkata, “Saya akan buktikan kepada dunia bahawa al-Quran ialah matahari rohani yang tidak akan luntur dan tidak akan padam.” Maka itulah yang diperjuangkannya.

Ketika itu, penulisan atau penyebaran karya agama bukanlah sesuatu yang mudah di mana hampir tiada orang

yang berani melakukannya. Inilah perjuangan berani yang berterusan yang menjadi pilihan Badiuzzaman dan para pelajarnya.

Mereka yang telah memahami intipati iman melalui Risalah an-Nur dapat mencapai tahap keimanan yang kental sehingga mampu menunjukkan keberanian dan keperwiraan Islam yang hebat. Badiuzzaman, yang mewakili roh perjuangan Risalah an-Nur sendiri telah menjadi pemimpin bagi ratusan ribu pelajar dan kini telah mencapai jutaan pelajar yang menghayati karya tersebut. Beliau telah menjadi contoh kepada umat Islam di Turki ketika itu. Beliauah penyokong mereka pada hari-hari yang penuh bahaya, seumpama seorang ketua tentera yang memberi galakan kepada tenteranya melalui keberanian dan kewibawaannya. Dengan ini, mereka telah berjaya menghilangkan ketakutan dari hati orang ramai dan sehingga kini, maruah negara telah dapat dikembalikan.

Beliau terus menulis dan menyebarkan Risalah an-Nur. Oleh sebab beliau dan para pengikutnya tidak diberi kebebasan, mereka telah menubuhkan rangkaian pengirim Risalah an-Nur yang dinamakan “Posmen Nur” (Nurcu). Hasilnya, mereka telah berjaya menyebarkan sebanyak 600,000 naskhah Risalah an-Nur yang bertulisan tangan ke seluruh Anatolia yang mengandungi lebih daripada 130 risalah atau bahagian.

Beliau juga telah berjaya menghasilkan karya-karya baharu walaupun kertas dan pena tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam penjara. Beberapa karyanya ditulis di atas

cebisan-cebisan kertas yang dikoyak daripada apa sahaja barangan yang ada. Karyanya kemudian diseludup keluar di dalam kotak-kotak mancis. Sebahagian daripada karyanya yang berjudul “Meyve Risalesi (Buah-buah Keimanan)” telah ditulis dengan cara ini.

Beliau telah diracun sebanyak 19 kali. Ketika beliau menderita kesakitan akibat diracun, beberapa orang pelajarinya memberanikan diri untuk menolongnya tetapi telah ditangkap dan diseksa dengan kejam sekali. Beliau juga telah dibuang dari daerah ke daerah dan dipenjarakan hampir separuh daripada hayatnya.

Akhirnya, pada tahun 1956, Mahkamah Agung di Afyon telah mengisytiharkan beliau dan murid-muridnya tidak bersalah.

Selepas hampir seabad berkhidmat untuk iman dan Islam, Badiuzzaman Said Nursi kembali ke rahmatullah pada pagi 23 Mac 1960 dengan penuh kemuliaan dan kemenangan.

Risalah an-Nur adalah koleksi karya yang memberi keutamaan kepada asas keimanan, berasaskan kebenaran al-Quran dan Hadis kepada manusia yang disesuaikan dengan kehidupan zaman ini. Metodologi yang digunakannya adalah dengan menganalisis keimanan dan kekufuran serta menunjukkan melalui hujah-hujah yang rasional dan terang bahawa bukan sahaja keimanan boleh dibuktikan, kesemua kebenaran yang terkandung dalam rukun-rukun keimanan seperti kewujudan Allah SWT dan keesaan-Nya, kerasulan, kewujudan malaikat dan kebangkitan manusia pada hari akhirat dalam bentuk jasad juga dapat dibuktikan dengan

jelas.

Dalam menjelaskan tujuan utama penciptaan manusia dan alam semesta ini, Risalah an-Nur dapat meyakinkan dengan sejelas-jelasnya bahawa kebahagiaan dunia dan akhirat hanyalah boleh diperoleh dengan memahami hakikat keimanan. Ia juga menunjukkan dengan jelas bahawa kekufuran akan menyebabkan roh manusia dan hatinya mengalami kesakitan dan kesedihan yang amat sangat, menyebabkan orang-orang yang sesat berusaha untuk menghilangkannya melalui cara-cara yang melalaikan dengan menolak kenyataan.

Oleh itu, perkara yang perlu kita lakukan adalah menggembelng semua tenaga untuk membangunkan ajaran Islam melalui asas keimanan dan menjawab persoalan-persoalan keimanan ini pada tahap yang diperlukan dengan jihad yang maknawi.

Ustaz Badiuzzaman Said Nursi telah diiktiraf sebagai seorang “Mujaddid” pada zaman ini dan Risalah an-Nur telah diterima oleh ulama-ulama terkenal dalam kalangan ulama-ulama “Ahli Sunnah wal-Jamaah” seperti Dr. Yusuf al-Qardawi, Dr. Ramadan al-Buti, Dr. Wahbah al-Zuhayli dan kebanyakan ulama-ulama dari Universiti al-Azhar.

SURAT KEDUA PULUH

بِسْمِهِ سُبْحَانَهُ

Dengan nama Allah SWT

وَأَنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ

Maksudnya: “Dan segala sesuatu, semuanya memuji Tuhan dengan kemuliaan-Nya.” (al-Isra’: 44)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ بِيَدِهِ الْخَيْرُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَالْإِلَهُ
الْمُصِيرُ

[Sesungguhnya ayat yang menyimpulkan hakikat tauhid ini mengandungi 11 perkataan. Apabila ia dibaca selepas solat Maghrib dan Subuh, banyak fadilat dan kelebihan yang akan diperolehi, sehingga ada disebutkan dalam salah satu riwayat yang sahih, ia sampai ke tahap al-Ism al-A’zam (Nama Yang Maha Agung). Jadi, tidak *syak* lagi bahawa setiap perkataannya akan menitiskan satu harapan, satu penawar dan kegembiraan yang membahagiakan. Ia juga akan membawa ke tahap pengesaan Allah yang paling tinggi. Dan dari sudut *al-Ism al-A’zam* juga, ia akan menjelaskan keangkuhan *wahdaniyyah* (keesaan) dan kesempurnaan tauhid.

Hakikat yang luas lagi tinggi ini sudah diterangkan dengan jelas dalam kitab “*al-Kalimat*”. Jadi, sesiapa yang ingin mengetahui hakikat yang sudah dijelaskan itu bolehlah merujuk kitab *al-Kalimat* tersebut, tetapi di sini, memadailah dengan menggariskan indeksinya sahaja berupa intisari yang cukup ringkas, terdiri daripada dua maqam dan satu mukadimah].

MUKADIMAH

Yakinilah! Bahawa sesungguhnya tujuan ciptaan yang paling murni dan kesudahan fitrah manusia yang paling tinggi ialah iman kepada Allah (*al Imanu-billah*).

Ketahuilah tahap kemanusiaan yang paling tinggi dan kedudukan manusia sejagat yang paling baik ialah mengenal Allah (*ma'rifatullah*) yang terdapat dalam keimanan tersebut.

Ketahuilah bahawa kebahagiaan manusia dan jin serta nikmat yang indah ialah kasih sayang Allah (*mahabbatullah*) yang terhasil daripada mengenal Allah tadi.

Ketahuilah kebahagiaan yang paling suci bagi roh manusia dan kebahagiaan yang paling murni bagi hatinya ialah kelazatan roh (*al lazzatu al ruhiyyah*) yang diperoleh daripada kasih sayang itu.

Ya, sesungguhnya semua jenis kebahagiaan yang sejati, kegembiraan yang murni dan nikmat yang tiada nikmat

lain sesudahnya serta kelazatan yang tidak dapat ditandingi hanya terdapat dalam mengenal Allah (*ma'rifatullah*) dan dalam kasih sayang Allah (*mahabbatullah*). Tidak ada kebahagiaan, tidak ada kegembiraan dan tidak ada kenikmatan yang sejati tanpa kedua-dua perkara tersebut.

Sesiapa sahaja yang benar-benar mengenal Allah S.W.T dan hatinya penuh dengan cahaya kasih sayangnya akan mendapat kebahagiaan yang tidak bertepi. Dia akan mendapat nikmat yang tidak terbatas. Dia juga akan mendapat cahaya dan rahsia yang tidak akan habis. Dia akan mendapatnya, sama ada melalui amalan dan kenyataan, atau melalui kesediaan dan kesanggupan. Manakala orang yang tidak mengenal Allah; Penciptanya yang sebenar-benarnya, yang tidak mempunyai sesuatu yang melayakkan dirinya dikasihi dan disayangi akan ditimpa kesengsaraan material dan kesengsaraan maknawi secara berterusan. Dia akan terus dihantui keperitan dan kepalsuan yang tidak bertepi.

Ya, sesungguhnya inilah manusia malang yang mengaduh kesakitan kerana kehilangan Tuan dan Penjaganya. Dia keluh kesah kerana kehidupannya yang tidak bererti dan tidak berpenghujung. Dia lemah dan tidak berdaya di celah-celah kumpulan manusia yang bernasib malang. Tidak ada sesiapa yang boleh menyelamatkannya daripada apa yang dialaminya, walaupun sultan dunia seluruhnya.

Alangkah dasyat dan malang yang akan menimpa manusia yang keluh kesah ini dalam meneruskan hidupnya yang akan musnah, di celah-celah kehidupan manusia yang tinggal bersendirian dan dalam keadaan sedih ini,

seandainya dia tidak dapat mencari Tuannya yang hakiki dan mengenali Pencipta dan Tuhannya dengan sebenarnya! Akan tetapi, sekiranya dia dapat mencari Tuhannya dan dapat mengenal Tuan dan Penciptanya, sudah tentu dia akan berlindung di bawah naungan nikmat Allah yang maha luas, dan bergantung pada ketinggian kudrat-Nya yang mutlak itu. Seterusnya, dunia yang buas ini akan bertukar menjadi sebuah taman yang menyeronokan dan sebuah pusat perniagaan yang menguntungkan.

MAQAM PERTAMA

Setiap perkataan yang terdapat dalam kata-kata tauhid yang menarik ini mengumumkan satu berita gembira dan menghamburkan satu harapan yang indah. Dalam setiap berita gembira ini ada penawar dan penyembuhnya. Dan dalam setiap penawar ini ada kelazatan maknawi dan kelapangan jiwa.

Perkataan Pertama: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ (Tiada Tuhan melainkan Allah)

Perkataan ini menitiskan kegembiraan yang besar dan harapan yang menggembirakan seperti berikut:

Sesungguhnya jiwa manusia yang tamak dan rakus ini mempunyai kehendak yang tidak terbatas. Jiwa manusia ini juga turut diingini oleh pihak musuh yang tidak terkira banyaknya. Jiwa yang diuji di antara keinginan yang tidak terbatas dan pihak musuh yang tidak terhingga banyaknya ini, mendapat satu sumber rujukan yang luas daripada perkataan ini, yang membuatkan pintu-pintu khazanah rahmat yang luas itu terbentang di hadapannya. Dari pintu itu, akan ada sesuatu yang dapat mententeramkan semua keinginan dan menjamin semua kehendak jiwa manusia tadi. Dia juga akan mendapat satu tempat berpaut yang kuat dan satu tempat bernaung yang baik, yang akan melindunginya daripada semua kejahatan dan yang akan menjauhkannya daripada semua malapetaka. Hal ini semua

adalah kerana kekuatan Allah SWT yang dilihat oleh manusia itu, yang memacunya kepada Tuannya Yang Maha Berkuasa dan yang menunjukkannya kepada Pencipta dan hamba-hamba-Nya. Dengan pandangan yang luas dan pengetahuan terhadap Allah Yang Maha Esa, perkataan ini dapat menyelamatkan hati manusia daripada kegelapan dan ketakutan yang menggerunkan itu. Ia juga dapat menyelamatkan jiwa manusia daripada derita kesedihan dan kedukaan, bahkan ia menjaminkan kegembiraan dan kebahagiaan yang berkekalan.

Perkataan Kedua: وَحَدُّهُ (Maha Esa)

Perkataan ini memancarkan harapan dan membawa berita gembira seperti berikut:

Sesungguhnya jiwa manusia dan hatinya yang penuh dengan tekanan, bahkan yang tenggelam ke tahap yang melemaskan itu, juga dibebani dengan hubungan dan ikatan yang kuat dengan kebanyakan jenis makhluk, akan mendapat satu tempat perlindungan yang aman dalam perkataan ini. Tempat ini boleh menyelamatkan jiwa dan hati manusia itu daripada bencana dan tekanan tersebut. Hal ini kerana perkataan ini membawa maksud:

Sesungguhnya Allah itu Maha Esa. Oleh itu, wahai manusia! Janganlah kamu penatkan diri kamu dengan merujuk kepada yang lain. Janganlah kamu tunduk kepada mereka sehingga kamu menjadi lemah disebabkan pemberian dan seksaan mereka. Janganlah kamu tundukkan kepala kamu di hadapan mereka dan janganlah kamu memberi muka kepada mereka. Janganlah kamu

menyusahkan diri kamu dan terkejar-kejar di belakang mereka. Janganlah kamu takut dan janganlah kamu geruni seksaan dan ancaman mereka. Hal ini kerana Sultan dunia ini hanya satu. Dia memiliki kunci semua perkara. Dengan tangan-Nya, Dia mengendalikan semua perkara. Semua ikatan dan belunggu terurai dengan perintah-Nya. Semua kesusahan akan berakhir dengan izin-Nya. Sekiranya kamu menemui-Nya, sudah tentu kamu akan memiliki segala-galanya. Kamu akan mendapat apa yang kamu hajati. Kamu juga akan terselamat daripada beban penderitaan dan kesakitan, juga terselamat daripada belunggu ketakutan dan kepalsuan.

Perkataan Ketiga: لا شريك له (Tidak ada sekutu bagi-Nya)

Yakni: Allah s.w.t. tidak mempunyai tandingan dan sekutu dalam ketuhanan-Nya kerana Allah itu Maha Esa. Sifat ketuhanan-Nya, tindakan dan kemampuan-Nya untuk mengadakan semua benda juga adalah suci daripada syirik. Ia bertentangan dengan sultan-sultan lain di dunia ini kerana apa yang berlaku ialah ketuanan sultan itu tidak dikongsi dengan orang lain, tetapi tindakannya tidak begitu. Para pegawai dan pembantunya dianggap rakan kongsinya yang akan memudahkan urusan dan yang akan melaksanakan rancangan-rancangannya. Mereka boleh mengubah rancangan-rancangan tersebut tanpa perlu mengadapnya. Mereka juga boleh meminta supaya rancangan-rancangan itu dirujuk kepada mereka terlebih dahulu. Akan tetapi, Allah SWT merupakan Sultan sejak azali lagi hinggalah selama-lamanya. Dia hanya satu dan tidak ada sekutu

bagi-Nya dalam kesultanan-Nya. Dia tidak memerlukan rakan kongsi dan para pembantu untuk melaksanakan segala urusan ketuhanan-Nya. Hal ini kerana tidak ada satu benda pun yang boleh memberi kesan kepada benda lain melainkan dengan perintah, kuasa dan kekuatan-Nya. Semua benda boleh merujuk kepada Allah tanpa perantara, kerana Dia tidak mempunyai sekutu atau pembantu. Pada saat itu, Allah s.w.t. tidak akan mengatakan: Kamu tidak boleh masuk menghadap ke hadrat Allah SWT kepada semua yang datang menghadap-Nya.

Beginilah ... intipatinya, perkataan ini membawa satu harapan dan berita gembira yang membahagiakan. Lalu ia berkata: Manusia yang rohnya disinari cahaya keimanan boleh mengemukakan semua hajat dan keinginannya tanpa sekatan dan hijab tabir di hadapan Allah SWT; Tuhan Yang Maha Indah yang memiliki ketinggian dan Yang Maha Berkuasa yang memiliki kesempurnaan. Manusia boleh memohon sesuatu untuk memenuhi keinginannya, tidak kira siapa dia dan di mana dia berada. Dia boleh mengemukakan semua kehendak dan keinginannya di hadapan Allah Yang Maha Pemurah itu, yang mempunyai khazanah rahmat yang luas, dengan bergantung pada kekuatan-Nya yang mutlak. Pada ketika itu, dia akan diselubungi kegembiraan dan kebahagiaan yang sempurna.

Perkataan Keempat: لَهُ الْمُلْكُ (semua milik adalah hak-Nya)

Yakni: Kekuasaan dan pemilikan ini seluruhnya adalah kepunyaan Allah SWT, tanpa dikecualikan dan kamu juga

adalah milik-Nya. Kamu juga adalah hamba-Nya dan kepunyaan-Nya. Kamu hanyalah merupakan satu unsur atau satu benda yang menjadi milik-Nya.

Perkataan ini menghembuskan satu harapan dan menitiskan satu berita gembira yang membawa penawar. Ia berkata:

Wahai manusia! Janganlah kamu sangka kamu pemilik dirimu ... tidak... kerana sesungguhnya kamu tidak mampu menguruskan urusan dirimu sendiri. Ia merupakan satu beban dan satu tanggungan yang berat. Tidak mungkin kamu boleh menjaganya, seterusnya menjauhkan dia daripada bencana dan malapetaka dan menyediakan keperluan-keperluan hidupmu kepadanya. Jadi, janganlah kamu menjatuhkannya ke dalam lembah ketakutan dan keluh kesah yang tidak berpenghujung. Harta itu bukan kepunyaanmu, bahkan ia ialah kepunyaan orang lain, iaitu Raja Yang Maha Berkuasa dan Yang Maha Mengasihani. Maka bergantunglah kamu pada kekuasaan-Nya. Janganlah kamu memandang serong pada rahmat-Nya. Buang yang keruh dan ambillah yang jernih. Tinggalkan kesusahan dan kesakitan. Tariklah nafasmu panjang-panjang dan ambillah kebahagiaan dan kegembiraan ini.

Ia juga berkata:

Sesungguhnya kewujudan atau alam yang benar-benar kamu cintai ini, yang kamu patuhi, yang kesusahan dan kesukarannya menyebabkan kamu menderitanya, yang tidak mampu kamu baiki. Kewujudan ini seluruhnya adalah kepunyaan Allah SWT. Oleh itu, serahkanlah

pemilikan ini kepada tuannya. Tinggalkan ia. Biarlah Dia menguruskannya dan berbahagialah kamu dengan kegembiraan dan kebahagiaan, tanpa diganggu dan dibebani oleh kesusahan dan penderitaan. Allah itu Maha Bijaksana dan Maha Mengasihani. Dia menguruskan harta kepunyaan-Nya mengikut kehendak-Nya dan berdasarkan kebijaksanaan dan rahmat-Nya.

Apabila kamu didatangi rasa takut dan cemas, jenguklah dari jendela itu, tetapi janganlah kamu mencerobohnya. Bisikkanlah seperti yang dibisikkan oleh penyair Ibrahim Haqqi:

لنر المولى ماذا يفعل فما يفعل هو الأجل

Maksudnya: “*Marilah kita melihat apa yang dilakukan oleh Tuhan, kerana apa yang dibuat oleh-Nya lebih indah*”.

Perkataa Kelima: لَهُ الْحَمْدُ (segala puji-pujian hanya untuk-Nya)

Yakni, segala puji-pujian hanyalah untuk-Nya. Hanya Dia yang berhak menerimanya kerana seluruh nikmat dan pemberian ini datang daripada-Nya. Ia melimpah daripada khazanah-Nya yang luas itu, iaitu khazanah yang berterusan dan tidak akan habis.

Oleh yang demikian, perkataan ini membawa satu berita gembira yang menyenangkan. Katanya:

Wahai manusia! Janganlah kamu ukur penderitaan itu dengan kehabisan nikmat kerana khazanah rahmat tidak berpenghujung. Janganlah kamu menjerit kerana kelazatan

yang hilang kerana nikmat itu hanyalah merupakan sebutir rahmat yang amat luas dan tidak akan berakhir. Buah-buahan akan silih berganti selagi pokoknya teguh berdiri.

Ketahuilah wahai manusia bahawa sesungguhnya kamu boleh menjadikan kelazatan nikmat itu seratus kali ganda lebih baik dan lebih besar. Perkara tersebut boleh berlaku dengan cara melihat kehadiran rahmat itu kepadamu dan sifat pemurah-Nya, iaitu dengan bersyukur dan memuji Allah SWT. Hal ini kerana sebagaimana seorang raja besar dan sultan yang berkedudukan tinggi mengutuskan hadiah kepadamu – katakan sebiji epal misalnya – sudah tentu hadiah itu memberikan kelazatan yang mengatasi kelazatan epal itu sendiri berlipat kali ganda banyaknya. Kelazatan itu ialah kelazatan yang timbul hasil daripada perhatian yang diberikan oleh raja dan sultan itu yang meliputi perhatian istimewa (takhsis) dan kemurahan hati (ehsan). Begitu juga dengan perkataan ini. Ia membukakan sebuah pintu yang luas di hadapanmu dan daripada pintu itu, terpancarlah kelazatan maknawi yang suci. Ia beribu kali lebih lazat daripada nikmat itu sendiri. Perkara ini diperoleh melalui pujian dan mengucap syukur. Maksudnya, kenikmatan itu boleh dirasai melalui nikmat itu sendiri. Maknanya, orang yang menerima nikmat dengan penuh sedar menghayati dan memikirkan kenikmatan itu sendiri, iaitu dengan memikirkan dan menghayati nikmat Allah SWT yang datang kepadamu dan juga belas kasih-Nya kepadamu, serta nikmat yang berterusan mendatangimu.

Perkataan Keenam: يُحْيِي (Dia menghidupkan)

Yakni: Allahlah yang memberikan kehidupan. Dialah juga yang memberikan rezeki. Dialah yang menjamin semua keperluan dan kehendak manusia dan Dialah juga yang menyediakan barang-barang keperluan dan mata pencarian mereka. Tujuan hidup yang mulia itu kembali kepada-Nya dan hasil-hasil penting kehidupan ini juga ditujukan kepada-Nya. Sembilan puluh sembilan peratus hasil dan buahnya menuju kepada Allah dan kembali kepada-Nya.

Dan seterusnya perkataan ini menyeru manusia yang lemah dan fana, memberikan kegembiraan dan menghembuskan roh harapan ke dalam dirinya. Ia berkata:

Wahai manusia! Janganlah kamu memematkan diri dengan memikul beban kehidupan yang susah itu di atas bahumu yang lemah.

Janganlah kamu merintih dan menangisi hidup yang akan musnah dan yang akan berakhir ini. Janganlah kamu berasa bosan dan kesal kerana kehadiran kamu di dunia ini sekiranya kamu melihat nikmatnya hilang dan hasilnya tidak seberapa. Ketahuilah bahawa sesungguhnya kehidupan yang sementara ini akan berpulang kepada-Nya, iaitu Allah Yang Maha Hidup lagi Maha Kekal. Dialah yang menjamin semua keperluan dan kehendak hidupmu. Hidup ini hanya akan kembali kepada-Nya, dengan matlamat dan hasil yang banyak. Engkau hanyalah seorang pekerja biasa dalam perahu kehidupan ini. Oleh itu, jalankanlah tanggungjawabmu dengan sebaik-baiknya. Kemudian terimalah upahmu dan kecapilah ia dan ingatlah selalu:

sejauh mana kebesaran hidup yang membelah gelombang kewujudan ini dan sejauh mana ketinggian faedah dan hasilnya serta sejauh mana sifat pemurah tuannya dan sifat rahmat pemiliknya ... Perhatikan dan hayatilah ia betul-betul, kemudian berenanglah dalam kalimah syukurmu kepada tuanmu, iaitu Allah SWT. Ketahuilah sekiranya kamu lakukan tugasmu dengan penuh istiqamah, nescaya ia akan dicatatkan dalam buku catatan-Nya. Sesungguhnya, dari, hasil atau buah pelayaran perahu kehidupan ini, kamu akan diberikan kehidupan yang kekal abadi dan akan hidup buat selama-lamanya.

Perkataan Ketujuh: **وَيُؤْمِتُ** (Dia yang mematikan)

Yakni: Allah s.w.t.lah yang menganugerahkan kematian, iaitu Dialah yang akan membebaskan kamu daripada tugas kehidupan dan menggantikan tempatmu di dunia yang fana ini. Dia akan menyelamatkanmu daripada bebanan tugas dan Dia akan membebaskan kamu daripada tanggungjawab. Maksudnya, Dia akan memindahkan kamu dari dunia yang fana ini kepada dunia yang kekal abadi.

Begitulah ... perkataan ini dilaungkan ke telinga jin dan manusia. Ia berbunyi:

Ada berita gembira untuk kamu semua. Kematian bukanlah satu pembasmian atau satu kemusnahan. Ia bukan sia-sia. Ia bukan untuk menghapuskan. Ia juga bukanlah satu perpisahan yang kekal selamanya ... Bukan! Kematian bukan satu pembasmian, bukan satu kebetulan, bukan juga satu pemusnahan yang berlaku secara spontan, iaitu yang berlaku tanpa pelaku, bahkan ia merupakan satu kerehatan

yang diberikan oleh Allah SWT. Yang Maha Mencipta, Maha Bijaksana dan Maha Mengasihani. Ia merupakan satu penggantian tempat, perubahan taraf atau kedudukan, yang akan membawa kepada kebahagiaan yang berkekalan ... yang merupakan tempat asal, iaitu pintu yang akan menghubungkan kamu dengan alam barzakh ... alam yang akan menghimpunkan 99% para kekasih.

Perkataan kelapan: وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ (Dia hidup dan tidak akan mati)

Yakni: Kesempurnaan, kebaikan dan ehsan yang ada pada makhluk ini merupakan satu cara ke arah kasih sayang. Ia zahir dalam bentuk yang tidak boleh digambarkan dan tidak boleh disempadani oleh batas sempadan. Ia berada di atas darjat yang tertinggi, yang terdiri daripada keindahan, kesempurnaan dan ehsan. Sinaran yang terbit daripada kecantikan Allah SWT yang jelas terserlah itu menyamai seluruh kekasih dunia. Tuhan yang dikasihi dan disembah ini mempunyai kehidupan yang abadi, berkekalan dan suci daripada debu-debu kehancuran dan bayang-bayang kemusnahan. Dia suci daripada semua tanda kekurangan dan kecacatan.

Jadi, perkataan ini memaklumkan kepada semua makhluk, sama ada jin, manusia, kelompok yang berperikemanusiaan, para bijaksana, para perindu dan para kekasih. Lantas ia berkata:

Ada satu berita gembira untuk kamu semua. Ada hembusan bayu harapan dan kebaikan. Sesungguhnya kamu semua mempunyai seorang kekasih yang azali dan

kekal abadi. Dia mengubati luka-lukamu yang sakit kerana rindu dendammu yang mendalam terhadap para kekasihmu di dunia. Dia menyapu luka-luka itu dengan balsam-Nya yang mujarab dan dengan salap rahmat-Nya. Selagi Dia ada dan selagi Dia kekal abadi, maka semua perkara adalah mudah. Jadi, janganlah kamu takut dan janganlah kamu berputus asa. Sesungguhnya kebaikan, Ehsan dan kesempurnaan yang menjadikan kamu semua merindui para kekasihmu hanyalah kilasan/imbasan daripada satu bayang yang lemah, yang terbit daripada bayang-bayang hijab dan tabir yang amat banyak untuk menyerlahkan salah satu keindahan kekasih yang kekal abadi itu. Janganlah kamu semua menderita kerana kematian para kekasihmu. Janganlah kamu menderita kerana berpisah dengan mereka. Hal ini kerana mereka semua hanyalah sebuah cermin yang membalikkan cahaya. Cermin yang ditukar dan diganti akan memperbaharui dan mencantikkan lagi pantulan keindahan dan kecantikan-Nya yang terserlah dan mengagumkan itu. Selagi Allah SWT wujud, selagi itulah semua benda wujud.

Perkataan Kesembilan: بِيَدِهِ الْخَيْرُ (semua kebaikan ada di tangan-Nya)

Yakni: Sesungguhnya semua kebaikan ada di tangan-Nya. Semua amal kebajikan akan dicatat dalam buku catatan-Nya dan semua amal salih yang kamu lakukan ada dalam pengetahuan-Nya. Perkataan ini menyeru jin dan manusia. Ia membawa berita gembira. Ia juga memberikan harapan dan kerinduan kepada mereka. Ia berbunyi:

Wahai manusia! Apabila kamu meninggal dunia dan

dibawa ke kubur, janganlah kamu menjerit: Alangkah sedihnya! Alangkah ruginya! Harta kekayaan kita hilang begitu sahaja, usaha kita selama ini hanya sia-sia, kita akan masuk ke kubur yang sempit setelah sekian lama kita hidup di dunia yang begitu luas ini! Jangan... janganlah kamu semua menjerit kesedihan dan janganlah kamu berputus asa, kerana semua perkara yang kamu ada, disimpan rapi di sisi Allah SWT. Semua pekerjaan, amalan dan usaha yang kamu semua lakukan dicatatkan. Tidak ada satu perkara pun yang akan hilang dan tidak ada suatu usaha pun yang akan dilupakan kerana Allah SWT akan memberi balasan pahala kepada kamu semua. Dia akan memanggil kamu semua mengadap-Nya selepas kamu dimasukkan ke kubur, iaitu tempat persinggahanmu.

Jadi, alangkah bahagianya kamu semua. Kamu telah menyempurnakan khidmat baktimu. Kamu telah melaksanakan tugas-tugasmu. Selamatlah perjuanganmu. Hari-hari yang penuh dengan cabaran dan bebanan sudah berakhir. Sekarang, kamu semua akan menerima upah dan mendapat untung.

Ya! Sesungguhnya Allah Yang Maha Berkuasa dan Maha Mulia itulah yang menjaga biji-biji benih dan bijirin, iaitu buku amalan pada musim bunga yang lepas dan rekod perkhidmatan serta bilik-bilik pejabat-Nya. Dia menerbitkan buku tersebut pada musim bunga yang indah ini dalam keranjang yang paling cantik, dalam keadaan yang amat indah, dalam keadaan penuh berkat dan subur dan dalam bentuk yang paling menarik. Sesungguhnya Allah SWT juga – tidak syak lagi – menjaga hasil kehidupan

kamu dan untung nasib amalan kamu. Dia akan membalas kamu dengan sebaik-baik balasan dan pahala.

Perkataan Kesepuluh: وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (Dia berkuasa terhadap semua perkara)

Yakni: Allah SWT hanya satu dan Esa. Dia berkuasa ke atas semua perkara. Dia tidak dihalangi oleh suatu apa pun. Dia tidak dibantu oleh sesiapa dan tidak ada satu perkara pun yang sukar dilakukan oleh-Nya. Dia mencipta satu musim bunga contohnya, dengan mudah dan senang seperti mencipta sekuntum bunga. Dia mencipta syurga dengan mudah dan senang seperti mencipta musim bunga itu. Makhkuk yang tidak terbatas itu dicipta dan diperbaharui setiap hari, setiap tahun, setiap zaman, supaya kekuasaan-Nya yang tidak bersempadan itu dapat disaksikan oleh lisan/bahasa yang tidak terbatas pula.

Perkataan ini juga memancarkan satu harapan dan satu berita gembira. Ia berkata:

Wahai manusia! Amalan yang kamu lakukan dan pengabdian yang kamu berikan tidak hilang begitu sahaja. Terdapat sebuah tempat pembalasan yang kekal abadi dan tempat kebahagiaan dan kegembiraan yang telah disediakan untuk kamu semua. Di hadapanmu terdapat Syurga abadi yang setia menunggu kehadiranmu, yang rindu kepadamu. Yakinlah pada janji Pencipta Yang Maha Tinggi, yang kepada-Nya kamu sujud dan beribadat, yang kamu percaya dan beriman kepada-Nya dan kamu rasa damai dan tenang di sisi-Nya. Maka mustahil Dia akan memungkiri janji yang dibuat-Nya sendiri kerana kekuasaan-Nya tidak dicemari

dan dikotori oleh satu debu mahupun kekurangan. Perbuatan Allah terhindar daripada sifat lemah. Sebagaimana Dia mencipta sebuah taman yang kecil dan menghidupkannya untukmu, begitu juga Dia mampu mencipta sebuah syurga yang amat luas, bahkan Dia benar-benar telah menciptanya dan menjanjikan syurga itu untukmu. Dan kerana Dia telah berjanji, maka Dia akan menunaikan janji-Nya dan akan membawa kamu semua ke Syurga itu.

Tiap-tiap tahun, dengan mudah kita masih dapat melihat Allah SWT mengumpul dan menghimpunkan lebih daripada 300 ribu jenis tumbuhan-tumbuhan dan haiwan dengan sistem yang lengkap dan ukuran yang teliti, dengan amat cepat dan mudah. Jadi, sudah semestinya, Allah Yang Maha Berkuasa ini mampu melaksana dan menunaikan janji-Nya.

Pada setiap tahun, Allah SWT masih mengadakan beribu-ribu contoh serangga dan taman dalam pelbagai bentuk dan rupa. Selagi Allah SWT menjanjikan kita semua Syurga dan menyediakan kebahagiaan yang kekal abadi dalam semua urusan langit-Nya ... dan selagi semua perancangan dan urusan-Nya adalah benar dan betul ... dan selagi semua kesan perbuatan-Nya menjadi saksi bahawa kesempurnaan itu meliputi semua perkara, bahkan ia merupakan dalil bahawa Allah SWT terhindar daripada semua kekurangan dan kecacatan dan selagi mungkir janji, dusta dan sengaja melambat-lambatkan urusan merupakan sifat yang paling buruk, tambahan pula ia adalah satu kekurangan dan kecacatan ... maka semestinya Allah SWT Yang Maha Berkuasa, Tuhan Yang Maha Bijaksana dan

Maha Sempurna, Tuhan Yang Maha Penyayang lagi Maha Indah mesti dan pasti akan menunakan janji-Nya. Pintu-pintu kebahagiaan yang abadi itu akan dibuka. Dan kamu semua wahai orang-orang yang beriman akan dimasukkan ke dalamnya, iaitu Syurga ... tanah air bapamu; nabi Adam A.S.

Perkataan Kesebelas: **وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ** (kepada-Nya kita akan kembali)

Yakni: Orang-orang yang dihantar ke dunia, iaitu satu tempat cubaan dan ujian kepada urusan dan pelaksanaan tugas akan dikembalikan semula kepada orang yang menghantar mereka, iaitu Allah SWT Yang maha Mencipta dan Maha Agung. Selepas menunaikan tanggungjawab dan tugas mereka dan selepas menyempurnakan urusan dan menamatkan perkhidmatan mereka, mereka akan menemui Tuhan mereka Yang Maha Mulia yang menghantar mereka semua ke dunia ini ... yakni: mereka akan menjadi tetamu yang mengadap Allah SWT. Mereka akan duduk di kerusi kebenaran di hadapan Raja mereka Yang Maha Berkuasa. Tidak ada tabir di antara mereka berdua. Mereka semua sudah bebas daripada sebab-sebab yang menyakitkan, hijab yang gelap dan perantara. Setiap orang akan menemui Tuhannya dan mengenali-Nya betul-betul; Pencipta, Tuhan, Tuan dan Pemiliknya.

Perkataan ini memancarkan harapan dan berita gembira yang mengatasi semua harapan dan nikmat kebahagiaan yang telah berlalu. Ia berkata:

Wahai manusia! Tahukah kamu ke mana kamu akan

pergi? Dan kepada siapa kamu akan dibawa?

Di akhir perkataan yang ketiga puluh dua, ada disebutkan:

Seribu tahun yang dihabiskan dengan penuh kebahagiaan dan kegembiraan di dunia tidak dapat menyamai satu jam hidup di dalam Syurga! Dan masa yang dihabiskan selama 1001 tahun dengan penuh kegembiraan dalam nikmat Syurga itu tidak dapat menyamai kegembiraan satu jam kerana menatap keindahan wajah Allah SWT.

Maka kamu wahai manusia akan kembali ke medan rahmat-Nya dan akan kembali ke pangkuan-Nya. Keindahan dan kecantikan yang dapat dilihat pada wajah para kekasihmu, yang menyebabkan kamu kerinduan dan jatuh hati padanya, bahkan keindahan dan kecantikan yang terdapat pada semua makhluk di dunia ini hanyalah sejenis bayang yang terserlah daripada kecantikan Allah SWT dan keindahan nama-nama-Nya yang agung itu. Syurga, dengan keseronokan, kelazatan, bidadari dan istana-istananya hanyalah serlahan rahmat-Nya. Semua jenis kerinduan, kasih sayang dan tarikan hanyalah kilauan kasih sayang Allah SWT; yang disembah buat selama-lamanya dan yang dikasihi. Oleh itu, kamu semua akan dijemput ke rumah tetamu, iaitu Syurga yang kekal abadi.

Janganlah kamu bersedih dan berdukacita apabila kamu masuk ke kubur, bahkan bergembiralah kamu semua dengan baik dan terimalah ia dengan senyuman dan kegembiraan.

Perkataan ini meneruskan tugasnya dalam memancarkan cahaya harapan dan kegembiraan. Ia berkata:

Wahai manusia! Janganlah kamu menyangka bahawa kamu menuju kemusnahan, tidak wujud, sia-sia, sesat, lupa, merayau-rayau, rosak, porak-peranda dan tenggelam lemas dalam al-kathrah (hal yang banyak) dan ketidakwujudan. Bahkan kamu menuju alam yang kekal abadi, bukannya ke alam yang tidak wujud. Kamu dibawa ke alam cahaya, bukannya ke alam yang gelap gelita. Kamu menuju ke pangkuan Tuanmu dan Pemilikmu yang sebenar. Kamu kembali ke singgahsana Sultan dunia ... Sultan makhluk. Kamu akan beristirahat dan damai di daerah tauhid tanpa tenggelam dalam al-kathrah buat selama-lamanya. Kamu akan dibawa berjumpa Tuhanmu dan tidak akan direnggangkan dan dipisahkan lagi.

MAQAM KEDUA

(Petunjuk ringkas kepada pengesahan tauhid dari sudut al-ism al-a'zam (Nama Yang Maha Agung).

Perkataan Pertama: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Perkataan ini merangkumi tauhid ketuhanan dan ketauhidan Allah; Tuhan yang disembah. Kita akan menyentuh kedua-dua perkara ini dengan satu dalil yang kuat, iaitu:

Sesungguhnya satu perbuatan yang amat teratur dapat dilihat pada wajah dunia dan di atas muka bumi ini. Kebijaksanaan (*khallaqiyyat*) kejadian dan makhluk yang dicipta dengan amat bijaksana juga dapat dilihat. Dan dengan penuh keyakinan kita melihat permulaan (*fattahiyyat*) yang amat sistematik, yakni setiap benda dikurniakan pakaian dan bentuk yang sesuai dengannya. Kita juga melihat kurniaan, pemberian dan ehsan yang diberi dengan penuh kasihan belas (*wahhabiyyat*), pemurah dan penuh rahmat.

Keadaan dan hal ini mengesahkan bahawa kewujudan Allah Yang Maha Agung itu adalah mesti dan wajib, iaitu Allah Yang Maha Membuat (*al-fa'al*), Maha Mencipta (*al-fattah*), Maha Melaksana dan Maha Mengurnia (*wahhab*), bahkan keesaan-Nya (*wahdat*) dapat dirasai.

Ya! Semua makhluk yang sentiasa musnah dan selalu

diperbaharui ini menunjukkan bahawa makhluk-makhluk ini merupakan serlahan nama-nama Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Berkuasa (*al-Shoni al-Qadir*) ... bayangan cahaya nama-nama al-husna-Nya... kesan-kesan perbuatan-Nya ... ukiran pena qadar-Nya dan helaian kekuasaan-Nya... serta cermin kesempurnaan-Nya yang indah.

Sesungguhnya Allah SWT menerangkan hakikat yang agung dan kedudukan tauhid yang tinggi ini dalam semua buku dan kitab suci yang diturunkan oleh-Nya. Semua *ahli hakikat* (pengkaji); para ulama dan manusia yang sempurna juga mengesahkan kedudukan tauhid itu sendiri dengan kajian-kajian ilmiah mereka. Alam yang lemah dan serba kekurangan ini, dengan ciptaan dan kekuasaan yang luar biasa serta harta kekayaan yang melimpah ruah yang diterimanya juga menunjukkan kedudukan tauhid itu.

Maksudnya: Allah SWT iaitu Saksi yang azali dengan semua buku dan kitab-Nya, para pengkaji dengan semua dapatan dan kajian yang bijaksana dan teratur itu sebulat suara bersepakat tentang kedudukan tauhid ini.

Sesiapa yang tidak menerima Allah SWT. Yang Maha Esa lagi Maha Tinggi sebagai Tuhan dan yang patut disembah, maka dia mesti menerima tuhan-tuhan lain yang tidak berkesudahan, atau dia hendaklah menafikan dirinya sendiri dan menafikan makhluk-makhluk lain, sama seperti si sofis yang dungu itu.

Perkataan kedua: وَحَدَّهُ

Perkataan ini menerangkan kedudukan tauhid dengan nyata dan terang. Kita akan tunjukkan satu dalil yang amat kuat, yang betul-betul mengesahkan kewujudan ini, iaitu:

Apabila kita membuka mata dan mengarahkan pandangan kita ke muka para makhluk, yang mula-mula menarik perhatian kita ialah sistem umum yang sempurna dan *nizam* (neraca) yang teliti serta menyeluruh. Setiap perkara berada dalam sistem yang betul dan semua perkara disukat dengan sukatan yang tepat dan semua benda dihisab dan dihitung dengan saksama.

Apabila kita perhatikan betul-betul, perhatian kita akan ditarik oleh sistem dan *mizan* (ukuran) yang sentiasa diperbaharui. Yakni Allah SWT. Yang Maha Esa mengubah peraturan itu dengan teratur dan memperbaharui neraca itu dengan kadar-kadar tertentu...lalu, setiap perkara menjadi contoh dan model yang dianugerahi banyak sekali bentuk yang teratur dan tersusun.

Apabila kita perhatikan dengan lebih mendalam lagi, kita akan mendapati bahawa keadilan dan kebijaksanaan boleh disaksikan daripada sistem dan ukuran itu sehingga setiap pergerakan, bunyi dan suara akan diikuti oleh kebijaksanaan dan kebaikan, juga disertai dengan kebenaran dan manfaat.

Apabila kita perhatikan dengan lebih mendalam lagi, perasaan kita akan ditarik oleh tanda-tanda kekuasaan yang terkandung dalam kelakuan atau perbuatan yang terlalu bijaksana dalam ilmu yang tinggi, yang meliputi

semua perkara. Bahkan ia meliputi setiap urusan-Nya. Maksudnya, semua sistem dan neraca ini terdapat dalam setiap makhluk, yang menjelaskan sistem dan ukuran yang umum dan menyeluruh bagi semua makhluk yang ada. Dan sesungguhnya sistem dan ukuran itu menampakkan kebijaksanaan dan keadilan yang menyeluruh. Kebijakan dan keadilan itu menampakkan kepada kita satu kekuatan dan ilmu, yakni Allah itu Maha Berkuasa atas segala sesuatu dan amat mengetahui semua benda yang diperlihatkan kepada akal daripada belakang tabir/hijab itu.

Kemudian kita akan berikan perhatian kepada setiap permulaan dan penamat, terutama pada benda-benda hidup. Kita akan dapati setiap permulaan, asal-usul dan akar-umbinya menyerupai program, indeks dalam betuk kertas arahan dan jadual yang merangkumkan semua kelengkapan makhluk-makhluk itu di mana di dalamnya terdapat hasil dapatan dan sejarah hidup mereka yang dilakarkan. Nukleus benda hidup itu yang juga asalnya menyerupai sebuah catatan kecil yang mengandungi perlembagaan pewujudannya, manakala hasilnya pula merupakan indeks nukleus itu yang melahirkan pewujudannya.

Seterusnya, kita perhatikan pula zahir dan batin makhluk hidup itu. Kita akan menyaksikan satu bentuk qudrat (kekuasaan) dalam bentuk pentadbiran dan pengurusan yang amat bijaksana dan sungguh efektif dalam iradah (kehendak) pada urusan-urusannya. Maksudnya, terdapat kekuatan dan kekuasaan mewujudkan, manakala perintah dan kehendak pula memberikan bentuk pada makhluk-makhluk itu..

Begitulah, setiap kali kita berikan perhatian dan tumpuan kepada permulaan setiap makhluk, kita akan melihat senarai arahan yang disediakan oleh Dia Yang Memiliki Ilmu Yang Maha Tinggi. Setiap kali kita berikan perhatian dan tumpuan kepada penamat makhluk, kita akan saksikan rancangan dan manifestasi Pencipta-Nya. Setiap kali kita berikan perhatian kepada zahir sesuatu perkara, kita akan melihat pakaian yang cantik, yang amat sempurna bagi Allah Yang Maha Mencipta, Maha Memilih dan Maha Menghendaki. Dan setiap kali kita meneliti batin sesuatu perkara, kita akan melihat satu keadaan yang amat sistematik; kepunyaan Allah Yang Maha Berkuasa.

Semua keadaan dan perkara ini pastinya mengumumkan bahawa tidak mungkin ada sesuatu perkara, waktu dan tempat yang berada di luar genggaman, pengurusan dan pelaksanaan Pencipta Yang Maha Agung, iaitu Allah Yang Maha Esa, bahkan setiap perkara dan setiap urusan yang dikendalikan berada dalam genggaman Allah Yang Maha Berkuasa lagi Berkehendak. Ia diindahkannya dan disusun-atur dengan kasihan belas Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Ia diperbaiki dan dihias oleh rahmat Allah Yang Maha Penyayang lagi Maha Pemurah.

Ya, sesungguhnya sistem, neraca, peraturan dan penghiasan yang terdapat pada alam semesta dan pada makhluk yang terdapat di dalamnya, semuanya membuktikan dengan jelas akan kewujudan Allah Yang Maha Esa, Yang Tunggal, yang berdiri atas diri-Nya sendiri, Yang Unik bagi Maha Berkuasa, Maha Berkehendak, Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana. Ia juga memperlihatkan kedudukan

wahdaniyyah (keesaan) yang tinggi kepada sesiapa sahaja yang mempunyai perasaan dan fikiran.

Ya, dalam setiap benda ada keesaan dan keesaan ini menunjukkan Dia yang satu. Contohnya, matahari yang menyinari bumi hanya satu. Maksudnya, pemilik dunia ini hanya satu dan sama. Udara, api dan air yang membantu menghidupkan bumi ini misalnya, hanya satu. Oleh kerana itu, Dia mencipta benda-benda ini, menganugerahkan dan menundukkannya kepada kita juga hanyalah satu.

Perkataan ketiga: لَا شَرِيكَ لَهُ

Perkataan ini telah disabitkan dengan jelas dan terang dalam *Mawqif (situasi) Pertama dalam Kalimat ke Tiga Puluh Dua*. Jadi, tidak perlulah kita terangkan di sini lagi kerana tidak ada keterangan dan penjelasan yang lebih baik daripada keterangan dan penjelasan yang telah dibuat itu.

Perkataan keempat: لَهُ الْمُلْكُ

Maksudnya: Sesungguhnya semua makhluk yang ada dari permukaan bumi hingga ke singgahsana *Arash*, daripada sekecil-kecil benda (atom) hinggalah ke planet-planet, dari azali hingga ke alam kekal abadi, dari langit hingga ke bumi, dari dunia hinggalah ke akhirat, semuanya adalah milik Allah SWT. Allah SWT mempunyai kemilikan yang paling tinggi dalam bentuk pengesahan tauhid yang paling agung.

Pada satu ketika yang baik, satu imbasan yang menarik dengan ungkapan Arab terlontar dalam fikiran insan yang lemah ini. Saya akan ketengahkannya sebagaimana ia dan

saya akan menjelaskannya sebagai satu hujah yang paling kuat kepada kedudukan pemilikan yang paling tinggi dan juga sebagai satu hujah kepada kedudukan tauhid yang paling agung.

لَهُ الْمُلْكُ لِأَنَّ ذَاكَ الْعَالَمَ الْكَبِيرَ كَهَذَا الْعَالَمِ الصَّغِيرِ. مَصْنُوعٌ
 قُدْرَتِهِ مَكْتُوبٌ قَدَرِهِ. إِبْدَاعُهُ لِدَاكَ صَيَّرَهُ مَسْجِدًا. إِيْجَادُهُ لِهَذَا
 صَيَّرَهُ سَاجِدًا. اِنْشَاؤُهُ لِدَاكَ صَيَّرَ ذَاكَ مَلَكًا. إِيْجَادُهُ لِهَذَا صَيَّرَهُ
 مَمْلُوكًا. صَنَعْتُهُ فِي ذَاكَ تَطَاهَرْتَ كِتَابًا. صَبَعْتُهُ فِي هَذَا
 تَزَاهَرْتَ خِطَابًا. قُدْرَتُهُ فِي ذَاكَ تُظْهِرُ حِشْمَتَهُ. رَحْمَتُهُ فِي هَذَا
 تُنْظِمُ نِعْمَتَهُ. حِشْمَتُهُ فِي ذَاكَ تَشْهَدُ هُوَ الْوَاحِدُ. نِعْمَتُهُ فِي هَذَا
 تُعْلِنُ هُوَ الْوَاحِدُ. سِكَّتُهُ فِي ذَاكَ فِي الْكُلِّ وَالْأَجْزَاءِ. خَاتَمُهُ فِي
 هَذَا فِي الْجِسْمِ وَالْأَعْضَاءِ

Maksudnya: “Dia yang memiliki segalanya; kerana alam yang besar ini sama seperti alam yang kecil ini. Ia dicipta oleh kuasa-Nya dan ditulis oleh qadar-Nya. Alam besar yang diciptakan oleh-Nya itu berubah menjadi sebuah masjid, alam yang kecil ini pula berubah menjadi orang yang bersujud ... alam besar yang diciptakan oleh Allah SWT itu menjadikannya sebagai raja dan pewujudan alam yang kecil menjadikannya dimiliki. Alam yang besar itu dicipta sebagai sebuah buku dan lakaran yang dilakukan terhadap alam yang kecil ini menjadikannya sebagai sebuah titah. Kekuatan-Nya dalam mencipta alam yang besar itu menunjukkan kemarahan-Nya dan rahmat-Nya yang terdapat dalam penciptaan alam yang kecil ini mengatur dan menyusun nikmat-Nya. Kemarahan-Nya dalam penciptaan alam yang besar menyaksikan bahawa

Dia adalah Satu dan nikmat yang terdapat dalam alam yang kecil ini mengisyahatkan Dia hanyalah Satu... Jalan-Nya dalam penciptaan alam yang besar itu terdapat dalam al-kull (yang umum) dan dalam al-ajza' (yang khusus) sedangkan mohor-Nya dalam alam yang kecil ini terdapat pada tubuh-badan dan anggota-anggotanya”.

Ayat yang pertama: “ ذَاكَ الْعَالَمِ الْكَبِيرِ...الْخ ” dan seterusnya.

Sesungguhnya alam yang lebih besar, yaitu dunia ini seluruhnya dan manusia pula, yaitu contoh alam yang lebih kecil menyerlahkan dalil-dalil ketuhanan yang digariskan di ufuk dan dalam diri manusia dengan pena qadar dan kudrat-Nya.

Ya! Dalam diri manusia itu terdapat satu contoh skala yang kecil yang menunjukkan kejadian yang teratur dan teliti yang terdapat pada alam semesta ini. Kejadian yang terdapat dalam lingkungan yang lebih luas itu menunjukkan Pencipta Yang Esa. Kejadian yang halus dan seni yang terdapat dalam diri manusia itu juga merujuk kepada Pencipta itu dan menunjukkan keesaan-Nya. Manusia ini merupakan karya Allah SWT yang mempunyai makna yang mendalam, juga merupakan qasidah(puisi) yang disusun daripada qadar Allah SWT. Sepertinya manusia juga, alam semesta merupakan sebuah puisi daripada qadar-Nya yang disusun dan digubah dengan pena yang sama dan dengan skop yang lebih luas. Mungkinkah sesuatu selain Allah SWT ikut terlibat dalam jalan tauhid yang mohor keesaan-Nya tertera pada wajah manusia sejumlah bilangan manusia yang tidak

terkira banyaknya, dengan tanda-tanda yang berbeza itu? Atau adakah mungkin orang lain selain Allah SWT turut campur tangan dalam tanda *wahdaniyyah* (keesaan) yang tertera pada para makhluk yang kewujudannya dijadikan bertolong-tolongan dan saling bantu-membantu itu ?

Ayat yang kedua: “ إِبْدَاعُهُ لِذَٰكَ... الخ ”

Sesungguhnya Pencipta Yang Maha Bijaksana telah mencipta dan menjadikan alam yang lebih besar ini dengan indah sekali. Tanda-tanda keagungan Allah SWT terukir pada ciptaan-ciptaanNya menjadikan alam ini seumpama sebuah masjid yang besar. Dalam masa yang sama Allah SWT juga mencipta manusia ini dengan sebaik-baik kejadian. Allah mengurniakan akal kepada manusia itu dan menjadikan manusia tunduk dan sujud kepada-Nya. Manusia itu sujud kerana mengagumi mukjizat ciptaan-Nya dan keindahan qudrat-Nya. Tanda-tanda keagungan Allah SWT dibaca di hadapan manusia sehingga dia menjadi seorang hamba yang bersujud di dalam masjid yang besar ini. Dia sujud kerana sifat pengabdian dan kepatuhan sudah ditanam dalam fitrahnya. Adakah mungkin Dia yang benar-benar patut disembah dan dicintai oleh orang yang bersujud dan beribadat di dalam dunia ini ialah orang lain, bukannya Allah SWT; Pencipta Yang Maha Esa ini ?

Ayat yang ketiga: “ ... إِنشَاؤُهُ لِذَٰكَ... الخ ”

Allah SWT yang merupakan Penguasa Yang Maha Agung telah mencipta alam semesta yang lebih besar, termasuklah muka bumi ini menyerupai lingkaran-lingkaran yang saling berkait antara satu sama lain yang banyaknya tidak boleh

dihitung dan dikira. Setiap lingkaran umpama kebun atau ladang tanaman yang subur. Pada Setiap menit dan setiap musim, semaian, tuaian dan hasil ladang itu diambil. Begitulah Allah SWT mempergunakan harta milik-Nya secara berterusan dan mengendalikan urusan-Nya setiap detik. Sehingga Allah SWT menjadikan lingkaran yang paling hebat yang terdapat dalam lingkaran-lingkaran tersebut, iaitu lingkaran atom atau molekul (bahagian yang paling kecil) di alam ini umpama sebuah kebun yang luas. Dengan kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya, kebun itu ditanam dan hasil yang diperoleh adalah seluas atau sebanyak alam ini. Hasil itu pula dihantar dari alam yang boleh dilihat kepada alam ghaib, daripada lingkaran kuasa kepada lingkaran ilmu.

Allah SWT juga menjadikan permukaan bumi ini, iaitu lingkaran sederhana seperti sebuah kebun. Pada setiap musim, ia ditanam dengan pelbagai jenis tanaman. Hasilnya dituai dan diambil pada setiap musim. Hasil-hasil maknawinya juga dihantar ke alam ghaib, alam akhirat, alam misal dan alam maknawi.

Begitu juga dengan kuasa-Nya, Allah SWT memenuhi kebun-kebun di bumi ini, iaitu lingkaran kecil itu berkali-kali, bahkan beribu-ribu kali. Kemudian, Dia mengosongkan pula kebun-kebun tersebut dengan penuh kebijaksanaan-Nya.

Kemudian, daripada makhluk hidup yang merupakan lingkaran yang paling kecil, seperti tumbuh-tumbuhan dan manusia, Allah SWT mendapatkan hasil yang beratus-ratus

kali ganda banyaknya daripada makhluk-makhluk tersebut.

Maksudnya, Allah SWT yang memiliki segala sesuatu, Penguasa Yang Maha Agung mencipta semua perkara, sama ada yang khusus atau yang umum, kecil atau besar. Dia mencipta semua makhluk itu sebagai model yang dipakaikan beratus-ratus jenis pakaian. Pakaian itu pula disulam dengan sulaman-sulaman terbaru seni-Nya, dengan ratusan jenis dan bentuk untuk menjelaskan dan menunjukkan ketinggian *Asma al-Husna* dan mukjizat kekuasaan-Nya. Allah SWT mencipta semua perkara dalam kerajaan-Nya menyerupai sebuah buku yang ditulis dengan tulisan-tulisan yang indah, dengan ratusan bentuk dan jenis untuk mempamerkan tanda-tanda kebijaksanaan-Nya dengan ayat-ayat-Nya untuk dibaca dan dihayati oleh makhluk-makhluk-Nya yang berakal.

Allah SWT menjadikan alam semesta yang lebih besar ini kerajaan-Nya. Manusia ini pula dijadikan sebagai hamba-Nya. Allah SWT mengurniakan anggota, pancaindera dan perasaan, termasuklah hawa nafsu, kehendak, selera, rasa tamak dan permintaan kepada manusia itu. Dan dalam kerajaan-Nya yang luas itu, Dia menjadikan manusia itu sebagai hamba kepunyaanNya yang berkehendak kepada semua milik-Nya. Dialah yang menjadikan semua yang ada ini, bermula daripada partikel sekecil alam atom yang tersebar luas itu, sehingga ke sayap seekor lalat sebagai sebuah ladang yang boleh dituai hasilnya. Dia menjadikan manusia yang kecil ini pula sebagai pemerhati kepada kerajaan yang luas lagi besar itu, sebagai penyiasat dalam kerajaan itu, sebagai petani, peniaga, orang perantara dan

hamba. Dia juga menjadikan manusia sebagai tetamu yang disayangi dan teman berbicara yang dikasihi.

Ayat yang keempat: “صَنَعْتُهُ فِي ذَاكَ ... الخ”

Maksudnya adalah seperti berikut: Sesungguhnya seni ciptaan Allah Yang Maha Agung dalam alam makrokosmos, menjadi sungguh bermakna kerana ia dizahirkan dalam bentuk sebuah buku . Dengan ini menjadikan alam semesta itu dalam bentuk ianya mengandungi jilid-jilid yang besar dalam sebuah buku. Manakala akal manusia telah menghasilkan sebuah perputakaan besar dalam ilmu sains fizikal dan falsafah melalui berbagai penulisan di dalam perpustakaananya itu. Dan buku ini, yang penuh dengan hikmah dan berasal dari kebenaran hakiki, telah diisytiharkan dalam bentuk Al-Quran, ia itu salinan al-Kitab al-Mubin yang hebat hebat itu.

Selanjutnya, semua ciptaan Allah SWT di alam semesta menyerupai bentuk sebuah kitab yang sempurna dengan ciri-ciri dan ukiran kebijaksanaan-Nya. Begitu juga jelmaan kesempurnaan dan seni ciptaan dan hikmah-Nya telah Ia tersingkap dalam bentuk keindahan bunga-bunga ucapan atau tutur kata yang dianugerahkan kepada manusia. Maksudnya, semua ciptaan-Nya yang bermakna, dan indah itu mempunyai pengertian yang halus dan cantik, di mana ia menyingkapkan segala bunyian mesin yang bernyawa itu seumpama gramofon... dan ciri-ciri ketuhanan yang mewarnainya juga menjadikan ciptaan itu sebaik-baik kejadian sehingga ia berkembang hasil daripada keindahan kata-kata itu, iaitu keindahan yang bertenaga,

yang maknawi, yang hidup dan yang ghaib dalam material kepala yang beku itu... lalu Allah SWT mengurniakan keupayaan bertutur dan bercakap kepada manusia sehingga tersingkaplah apa yang terkandung di dalam kepala itu, iaitu alat-alat yang tinggi dan keupayaannya menyebabkan dia berkembang dan maju yang melayakkannya sampai ke tahap penerima titah Sultan Yang Kekal Abadi.

Yakni, warna-warni Rabbani yang terdapat dalam fitrah manusia telah menyingkap keindahan titah Allah SWT.

Mungkinkah orang lain, selain Allah SWT turut campur dalam urusan penciptaan itu, yang ciptaannya sampai ke tahap yang amat sempurna sekali dan penyusunannya pula dibuat dengan amat teratur dan sistematik, yang terdapat pada semua makhluk ini sehingga ia menjadi seperti sebuah kitab? Adakah mungkin orang lain selain Dia turut campur dalam mewarnai fitrah manusia yang mencapai tahap maqam al-khitabah, iaitu penerima titah Allah SWT itu? Sudah tentu tidak. Tidak sama sekali ! Tidak !.

Ayat yang kelima: “...قُدْرَتُهُ فِي ذَلِكَ... الخ”

Sesungguhnya kekuasaan Allah SWT melahirkan kebesaran Rububiyah dalam alam yang lebih besar, manakala rahmat Allah SWT pula mengatur nikmat yang diterima oleh manusia, iaitu alam yang lebih kecil. Maksudnya: Kekuasaan Penciptalah yang - dari segi keangkuhan dan keagungan – mengadakan seluruh alam ini seolah-olah ia sebuah istana yang besar. Kekuasaannya juga menjadikan matahari itu seperti sebuah lampu yang menerangi, bulan dan bintang sebagai pelita dan

kekuasaan-Nya juga menjadikan permukaan bumi ini seperti hamparan kain seperah yang dihidangkan dengan pelbagai makanan, kebun-kebun yang cantik dan taman-taman yang indah... dan begitulah Allah SWT menjadikan semua benda itu sebagai keperluan asas dan sebagai barang-barang hiasan untuk istana yang tersergam itu, dengan skop yang lebih luas. Kebesaran Rububiyah-Nya diperlihatkan seperti mana Dia menganugerahkan nikmat-Nya – dari sudut keindahan –, iaitu pelbagai jenis nikmat-Nya kepada semua makhluk hidup, sehinggalah kepada makhluk-Nya yang paling kecil. Dan berdasarkan perkara itu, makhluk-makhluk itu digubah dan dibentuk. Secara keseluruhannya, makhluk-makhluk itu dicantikkan dengan nikmat dan dihiasi dengan kelembutan dan kemuliaan. Ia mendorong lidah-lidah kecil itu yang menuturkan keindahan rahmat itu supaya berhadapan dengan lidah kebesaran yang menuturkan kebesaran yang tinggi, yakni benda yang besar seperti matahari dan Arash, apabila ia menuturkan ucapan kebesaran seperti: *يا كبير ، يا جليل ، يا عظيم* , ia akan ditemukan dengan kata-kata rahmat yang diucapkan oleh nyamuk, ikan dan binatang-binatang kecil, iaitu *يا جميل ، يا كريم ، يا رحيم* . Dengan itu, nada seni yang halus yang terdapat dalam muzik yang paling besar itu akan diharmonikan dengan alunan lagu makhluk-makhluk yang kecil menambahkan lagi keindahannya.

Mungkinkah orang lain turut terlibat dalam urusan penciptaan di alam yang besar dan alam yang kecil ini selain Allah SWT Yang Maha Agung, yang memiliki keindahan dan Yang Maha Indah ini? Maha Suci Allah daripada ini semua ... tidak sama sekali!)

Ayat yang Keenam: “حَشْمَتُهُ فِي ذَاكَ... الخ”

Sesungguhnya keagungan *Rububiyyah* yang terserlah dalam seluruh alam ini membuktikan dan menunjukkan *wahdaniyyah* Allah SWT Begitu juga dengan nikmat Allah yang mengurniakan rezeki sehinggalah kepada makhluk-makhluk halus yang hidup membuktikan dan menunjukkan keesaan Allah SWT.

Al-Wahidiyyah bermaksud: Semua makhluk yang ada ini adalah milik dan kepunyaan Allah SWT; Pencipta Yang Maha Esa. Ia mengarah kepada satu Pencipta dan semuanya merupakan ciptaan Tuhan Yang Satu.

Al-Ahadiyyah bermaksud bahawa kebanyakan nama-nama Pencipta seluruh makhluk terserlah pada semua ciptaan-Nya. Manakala, cahaya matahari dengan sifatnya yang menyinari seluruh permukaan bumi menjelaskan contoh *Al-Wahidiyyah*. Seterusnya kewujudan cahaya matahari dengan tujuh warnanya, kepanasan dan bayangannya yang boleh dilihat pada semua benda yang nipis dan pada setiap titik air menerangkan contoh *al-Ahadiyyah*. Dan begitulah, kebanyakan nama Pencipta itu yang dapat dilihat pada semua benda, termasuklah pada semua makhluk yang hidup, khususnya pada setiap diri manusia itu menerangkan contoh *al-Ahadiyyah*.

Sesungguhnya ayat ini menunjukkan keagungan *Rububiyyah* yang mengendalikan segala urusan di dunia ini, yang menjadikan matahari yang besar itu sebagai

pembantu untuk menghidupkan bumi, sebuah lampu dan dapur pemanas menghidupkan bumi. Manakala bumi yang besar ini pula dijadikan sebagai tempat tinggal, tempat bernaung dan tempat berdagang untuk semua hidupan. Api pula dijadikan sebagai alat untuk memasak makanan, tukang masak dan kawan yang sentiasa bersiap sedia untuk melakukan tugasnya di semua tempat. Awan pula dijadikan sebagai penapis angin dan sumber minuman para hidupan, bukit-bukau pula dijadikan sebagai sumber harta dan udara pula sebagai kipas kepada nyawa dan jiwa. Air pula dijadikan sebagai punca kehidupan seperti seorang ibu yang menyusukan bayi-bayi kecil. Semua *Rububiyah* Allah ini menerangkan keesaan Allah SWT dengan amat jelas dan nyata sekali.

Ya! Siapakah yang menundukkan matahari yang dikurniakan sebagai pembantu kepada penghuni bumi ini selain Allah SWT (*khaliq al wahid*)? Dan siapakah selain Allah SWT (wahid al-Ahad) yang memegang udara atau angin itu dan menganugerahinya pelbagai tugas yang mulia serta dikurniakan pula udara itu kepada seluruh manusia? Dan siapakah lagi selain Allah SWT (*wahid al-Ahad*) yang mampu menciptakan api itu sebagai alat memasak untuk benda-benda hidup dan membiarkan ia menelan benda-benda lain yang beribu kali lebih besar daripadanya? Dan begitulah... semua benda, semua unsur dan semua jirim yang ada di langit menunjukkan Allah SWT Yang Satu dan Yang Maha Tinggi, yang *Rububiyah-Nya* yang Maha Hebat.

Sebagaimana *al-Wahidiyyah* dinyatakan melalui

kebesaran dan keagunganNya, begitulah juga nikmat dan Ihsan *Ahadiyyat al-ilahiyyat* dinyatakan dan digambarkan melalui keindahan dan rahmat-Nya. Ini adalah kerana melalui gambaran terhadap semua hidupan terutamanya manusia itu sendiri – yang merupakan seni ciptaan keseluruhannya yang indah – memiliki anggota tubuh badan, yang mana ia dapat mengenal pasti, memahami dan menerima bermacam-macam jenis nikmat yang tidak dapat dihitung dan dikira sehinggalah manusia itu dapat merasakan keterserlahan semua nama-Nya (*al-Asma al-Husna*) sebagaimana ia dizahirkan di alam semesta ini, seolah-olah merupakan pusat yang melahirkan semua *Asma al-Husna* sebagai cerminan keesaan-Nya dan dengan itu *al-Ahadiyyah al-Ilahiyyah* itu dizahirkan.

Ayat yang ketujuh:

سَكَّنَهُ فِي ذَاكَ فِي الْكُلِّ وَالْأَجْزَاءِ. خَاتَمَهُ فِي هَذَا فِي الْجِسْمِ وَالْأَعْضَاءِ

Maksudnya: Pencipta Yang Maha Agung ini mempunyai jalan dan tanda yang paling besar di seluruh alam yang besar ini. Dia juga meletakkan tanda keesaan-Nya pada setiap bahagian alam ini dan pada setiap jenisnya. Dia juga meletakkan tanda keesaanNya pada wajah dan badan manusia, iaitu alam yang lebih kecil. Dia juga meletakkan tanda-Nya pada setiap anggota tubuh badan manusia itu tadi.

Ya! Sesungguhnya Allah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Agung itu meletakkan cap mohor-Nya yang nyata di atas semua benda umum, begitu juga Dia meletakkan cap mohor-Nya pada setiap spesies makhluk yang khusus.

Sesungguhnya Dia yang Maha Berkuasa lagi Maha Agung telah meletakkan pada setiap benda, yang umum dan khusus, pada bintang-bintang dan atom-atom cap mohor keesaan-Nya yang menjadi saksi dan merujuk kepadanya.

Oleh kerana kebenaran yang mulia ini benar-benar telah dibuktikan dalam perkataan yang ke-22 dan perkataan yang ke-32 serta dalam risalah yang ke-33, maka perbincangan mengenai perkataan ini ditamatkan di sini sahaja. Kami merujuk kamu kepadanya.

Perkataan kelima: لَهُ الْحَمْدُ

Maksudnya: Sesungguhnya kesempurnaan yang merupakan penyebab kepada segala puji-pujian yang terdapat pada semua makhluk hanyalah layak diberikan kepada Allah SWT. Oleh itu, puji-pujian dan sanjungan hanyalah untuk-Nya. Semua pujian yang sudah diberi dan akan diberi sejak azali hinggalah selama-lamanya hanya layak dikhususkan untuk-Nya. Ini kerana semua sebab puji-pujian, seperti kesempurnaan, keindahan, nikmat, pemberian dan semua perkara yang menjadi penyebab kepada pujian adalah milik dan kepunyaan Allah SWT sahaja.

Ya! Sesungguhnya semua makhluk sentiasa merafak sembah bertasbih, bersujud, berdoa dan memuji-muji Allah SWT. Semuanya ditujukan ke hadrat Allah SWT secara berterusan sepertimana yang difahami daripada ayat-ayat suci al-Qur'an. Di sini, kita akan sebutkan satu dalil yang akan mengesahkan hakikat tauhid ini.

Apabila kita melihat dan memandang alam ini, kita memandangnya seolah-olah ia adalah sebuah taman yang besar. Bumbungnya dihiasi bintang-bintang dan lantainya pula dihiasi dengan pelbagai benda yang cantik dan berwarna-warni. Semua benda yang terdapat di langit tinggi, yang bercahaya dan teratur itu dan semua makhluk yang ada di bumi, yang indah dan cantik di taman yang besar ini, semuanya berkata-kata dengan bahasanya yang tersendiri. Semuanya berkata bersama-sama:

“Kami adalah mukjizat-mukjizat Allah Yang Maha Berkuasa dan Maha Mulia. Kami naik saksi ke atas keesaan Pencipta Yang Maha Bijaksana dan Yang Maha Berkuasa”.

Dan di taman-taman alam semesta ini, di antaranya kita melihat ke bumi dan kita nampak ia seolah-olah sebuah taman yang dihiasi dengan ratusan ribu tumbuh-tumbuhan yang beraneka warna dan pelbagai bentuk yang cantik. Ia juga dihuni oleh ratusan ribu binatang yang beraneka jenis. Semua tumbuh-tumbuhan yang beraneka warna itu dan semua binatang yang menghiasi taman bumi ini sentiasa menghebahkan melalui rupa-bentuk mereka yang teratur dan timbangan yang amat halus akan kata-kata:

“Kami adalah mukjizat Allah SWT; Pencipta Yang Maha Esa dan kami adalah bentara dan bukti saksi-saksi keesaan-Nya”.

Begitulah ... kami melihat ke puncak-puncak pokok yang terdapat dalam taman yang mengkagumkan itu dan kami melihat bahawa buah-buahan serta bunga-bungaannya dicipta dengan penuh ilmu dan amat bijaksana serta amat

pemurah. Ia dicipta dengan lemah lembut dan indah sekali. Semua buah-buahan dan bunga-bunga yang cantik, dengan bentuk dan warnanya yang pelbagai itu melaungkan kata-kata yang sama:

“Kami adalah mukjizat pemberian Allah Yang Maha Penyayang, Yang Maha Indah. Kami juga adalah mukjizat anugerah ihsan Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Sempurna”.

Sesungguhnya semua benda-benda di alam semesta dan makhluk di dalam tamannya, juga yang terdapat dalam taman dunia ini, sama ada benda-benda yang berjirim, tumbuh-tumbuhan dan binatang serta benda-benda yang terdapat di puncak pokok, sama ada bunga-bunga dan buah-buahan menjadi saksi, bahkan mereka melaungkan kata-kata ini dengan suara yang kuat dan lantang:

“Sesungguhnya Pencipta kami – dan Yang membentuk kamilah yang menganugerahkan kami kepada kamu semua – Dialah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Indah, yang tiada tandingannya dan Yang Maha Pemurah, Pemberi Nikmat dan berkuasa ke atas semua hadiah yang di berikan. Tidak ada sesuatu pun yang susah di sisi-Nya. Tidak ada suatu bendapun yang terkeluar daripada lingkaran kekuasaan-Nya. Kekuasaan-Nya keatas bintang-bintang dan atom-atom adalah sama sahaja di sisi-Nya, yang umum sama sahaja dengan yang khusus dan yang khusus itu pula berharga, sama seperti yang umum. Benda yang paling besar adalah mudah bagi-Nya sama seperti benda yang paling kecil. Yang kecil juga indah dan elok ciptaannya sama seperti

yang besar. Kemungkinan pula yang kecil lebih indah dan halus buaatannya. Jadi, semua perkara yang telah berlaku pada masa-masa dahulu, yang merupakan kekuasaan-Nya yang menakjubkan menjadi saksi bahawa yang mempunyai kuasa mutlak itu berkuasa untuk mencipta kemungkinan-kemungkinan yang menakjubkan yang akan berlaku pada masa hadapan. Sebagaimana Dia yang mendatangkan hari kelmarin berupaya untuk mendatangkan hari esok, maka Allah Yang Maha Berkuasa yang mencipta masa lampau itu juga mampu mencipta masa akan datang dan Allah SWT; Pencipta Yang Maha Bijaksana yang mencipta dunia ini juga berkuasa untuk mencipta hari Akhirat.

Ya! Sebagaimana Allah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Mulia adalah Tuhan yang benar-benar berhak disembah, maka yang berhak mendapat puji-pujian dan juga sanjungan adalah Allah SWT sahaja. Dan sebagaimana ibadat itu hanya dikhususkan kepada Allah, maka puji-pujian itu juga ditujukan kepada Allah SWT sahaja.

Mungkinkah Pencipta Yang Maha Bijaksana yang mencipta langit dan bumi ini akan meninggalkan manusia ini begitu sahaja tanpa tujuan, sedangkan Allah menciptanya sebagai hasil terpenting penciptaan alam semesta, hasil terbaik dan paling sempurna? Mungkinkah ia tercipta daripada akibat dan kebetulan sahaja, lalu hikmah-Nya yang mengkagumkan itu bertukar menjadi sia-sia sahaja? Maha Suci Allah daripada itu semua ... tidak sama sekali...!

Adakah masuk akal kalau Allah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui itu, yang memelihara pokok dan

menguruskan hal ehwal pokok itu dengan penuh penjagaan dan memeliharanya dengan penuh kebijaksanaan akan mengabaikan buah-buahan yang dikeluarkan oleh pokok itu, yang merupakan tujuan dan matlamatnya, lantas buah-buah itu akan hilang begitu sahaja dan jatuh ke tangan para pencuri atau untuk mereput berselerak di atas tanah? Tidak ragu lagi bahawa kecuaiian dan pengabaian ini adalah mustahil sama sekali, kerana buah-buahnya pokok itu telah diberikan sepenuh perhatian.

Dan begitulah ... sesungguhnya manusia ialah makhluk yang paling bijaksana dan adalah hasil alam semesta yang paling sempurna, natijah dan tujuannya. Mungkinkah Pencipta alam yang Maha Bijaksana ini akan membiarkan puji-pujian, ibadat kesyukuran dan kasih sayang yang merupakan buah penghasilan manusia ini diberikan kepada orang lain ... dan menyebabkan kebijaksanaan-Nya yang menakjubkan itu hilang dan jatuh ke tahap tidak wujud... atau kuasa-Nya yang mutlak itu berubah menjadi lemah ... atau ilmu-Nya yang meliputi semua perkara itu bertukar kepada kejahilan? Maha Suci Allah daripada semua itu! pada tahap 100,000 kali ganda!

Mungkinkah ibadat dan kesyukuran yang dipersembahkan oleh para makhluk yang berperasaan itu, yang menjadi pusat kepada tujuan Allah SWT dalam membina istana alam ini, terutamanya manusia itu sendiri yang merupakan makhluk yang terbaik dengan nikmat-nikmat yang diterima olehnya, akan sampai kepada pencipta yang tidak mencipta istana alam semesta ini dan mungkinkah Pencipta Yang Maha Bijaksana itu akan membenarkan kesyukuran dan

ibadat, yang merupakan matlamat utama penciptaan manusia dipersembahkan kepada selain daripada Allah SWT?

Dan mungkinkah Allah yang membuatkan diri-Nya dikasihi oleh makhluk-makhluk yang berperasaan itu, dengan pelbagai jenis nikmat yang tidak terbilang dan terkira dan memperkenalkan diri-Nya dengan mukjizat-mukjizat ciptaan-Nya yang tidak terbilang banyaknya itu akan membiarkan kesyukuran mereka, ibadat mereka, puji-pujian, kasih sayang, ilmu makrifat terhadap-Nya dan penghargaan mereka diberikan kepada sebab dan tabiat semulajadi yang tidak mengambil berat akan mereka, lalu mendorong mereka mengingkari kebijaksanaan-Nya yang mutlak itu dan menghina kedudukan kesultanan rububiyah-Nya dan menjatuhkannya ke tahap tidak ada? Maha Suci Allah!!!

Mungkinkan orang yang tidak berdaya mencipta musim bunga dan tidak berupaya mencipta buah-buahan dan sebiji epal – yang sama mohornya – di atas muka bumi ini menjadi sekutu Allah SWT yang berhak dipuji secara mutlak, disabitkan mencipta sebiji epal yang merupakan spesimen miniatur, kemudian mempersembhkannya sebagai salah satu nikmat kepada salah seorang daripada mereka dan seterusnya berhak menerima ucapan kesyukuran serta mendapat perkongsian penghargaan daripadanya? Maha Suci Allah dan tidak sama sekali... kerana orang-orang yang mencipta sebiji epal itu ialah Pencipta semua epal yang terdapat di dunia ini, mohornya adalah sama. Lagipun yang mencipta semua epal yang ada di alam inilah yang mencipta biji-bijian dan buah-buahan yang menjadi punca

rezeki. Maksudnya: Orang yang memberi sekecik-kecil nikmat kepada sekecil-kecil benda hidup itulah Pencipta alam semesta ini, iaitu Allah Pemberi Rezeki Yang Maha Tinggi, bukannya orang lain. Oleh itu, puji-pujian dan ucapan kesyukuran hanyalah untukNya semata-mata. Oleh itu, pada hakikatnya alam semesta ini sentiasa berkata-kata dengan kata-kata yang benar:

لَهُ الْحَمْدُ مِنْ كُلِّ أَحَدٍ مِنَ الْأَزَلِ إِلَى الْأَبَدِ

“Segala puji-pujian dan sanjungan daripada setiap makhluk hanya untuk-Nya daripada azali hingga selamanya”.

Perkataan keenam: يُحْيِي

Yakni: Dialah yang memberikan kehidupan. Dialah satu-satunya yang mencipta segala sesuatu kerana kehidupan ialah roh alam semesta ini, cahaya asas, natijah dan intisarinya. Jadi, sesiapa yang memberikan kehidupan, maka dialah yang mencipta alam semesta ini seluruhnya. Dialah yang menghidupkan, Yang Maha Hidup lagi Yang Kekal selama-lamanya. Kami akan sebutkan dalil yang kukuh terhadap kedudukan tauhid ini Ianya seperti berikut:

Seperti yang telah dijelaskan pada bahagian lain di dalam Risalah an-Nur, kita semua menyaksikan khemah-khemah didirikan tegak di seluruh pelosok bumi dengan hebatnya untuk berbagai makhluk yang hidup. Kita juga telah menyaksikan pasukan-pasukan tentera yang baru yang tidak dapat dihitungkan dan dikira banyaknya, yang datang dari alam ghaib dan menerima alat-alat kelengkapannya pada

setiap musim bunga.

Apabila kita meneliti dan menghayati para tentera yang besar ini, kita akan dapati pelbagai spesies tumbuh-tumbuhan yang terbahagi kepada 200 ribu spesies dan jenis haiwan pula terbahagi kepada 100 ribu jenis yang berlainan. Setiap jenis dan setiap golongan memakai pakaiannya yang tersendiri. Setiap kumpulan mempunyai rezeki mereka sendiri. Mereka juga dibekalkan dengan latihan, arahan yang khusus, dengan bidang khidmat dan kelulusan yang tertentu, dibekalkan dengan senjata dan alat-alat kelengkapan yang sesuai dengannya dan diberikan tempoh berkhidmat tertentu. Akan tetapi, - dengan semua perbezaan ini - Pemimpin tertinggi dengan kuasa dan kebijaksanaan-Nya yang mutlak, dengan ilmu dan kehendak-Nya yang tidak terbatas, dengan rahmat-Nya yang luas dan dengan harta-Nya yang tidak pernah habis itu tidak pernah melupakan walau seorang tentera pun. Tiada satu urusan pun yang dapat mengelirukan-Nya. Dan tidak ada satu barang keperluan pun yang dilambatkan, bahkan setiap kumpulan dan setiap makhluk yang bilangannya lebih daripada 300 ribu jenis ini diberikan rezeki masing-masing, diberikan pakaian yang berbeza dan peralatan senjata yang berlainan. Setiap kumpulan dilatih dengan pelbagai latihan dan beristirahat daripada tugasnya pada waktu-waktu tertentu. Semuanya berlaku dengan penuh teratur, sempurna dan pada masa yang sesuai. Semuanya ini dapat disaksikan oleh mata-mata yang melihat. Ia dapat dirasakan oleh hati yang celik dengan penuh keyakinan sebagaimana yang telah kita jelaskan pada Risalah Kalimat yang dahulu. Jadi, mungkinkah ada yang lain, selain Allah

SWT; Pemilik ilmu yang luas ini, yang meliputi semua perkara yang berkaitan dengan tentera-tentera tersebut dan semua urusan-urusannya; Pemilik kekuasaan yang mutlak yang menguruskan semua urusan dengan segala keperluannya turut terlibat dan mempunyai bahagian dalam menghidupkan dan mentadbir semua keperluan benda-benda hidup ini? Maha Suci Allah daripada itu semua!!!

Adalah dimaklumi ramai, apabila dalam satu kelompok itu terdapat 10 suku umat yang berlainan, sesungguhnya untuk memberikan kelengkapan yang berbeza kepada setiap orang daripadanya amatlah susah, berpuluh kali ganda susahnyanya daripada menyediakan semua suku umat itu dengan kelengkapan yang sama. Oleh itu, insan yang lemah ini terdorong untuk menyediakan pakaian dan alat kelengkapan yang sama, sedangkan Allah SWT. Yang Maha Hidup dan Maha Kekal menyediakan bala tentera yang besar ini, yang golongan dan kumpulannya mencapai 300 ribu kumpulan dengan alat kelengkapan hidup yang berbeza antara satu sama lain dengan cukup senang dan mudah, tanpa masalah, dengan penuh teratur dan penuh bijaksana. Sehingga setiap individu para tentera itu mengucapkan kata-kata yang sama: “*Dialah Yang Maha Menghidupkan*” bahkan di dalam masjid alam semesta yang besar ini, mereka semua mengucapkan kata-kata:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ... الخ

Maksudnya: “ Allah, tidak ada Tuhan selain daripadanya. Yang hidup kekal. Berkuasa sendiri-Nya.....;”

Perkataan Ketujuh: وَ يُمِيتُ

Yakni: Dialah yang memberikan kematian. Maksudnya sebagaimana Dia memberikan kehidupan, Dia jugalah yang menarik kehidupan tersebut dan memberikan kematian.

Ya! Maut dan kematian bukanlah satu pemusnahan dan bukan juga satu pembasmian supaya ia tidak dipertanggungjawabkan kepada sebab-sebab tertentu dan diberikan kepada tabiat semulajadi, bahkan kematian itu walaupun pada zahirnya nampak seolah-olah penggantian dan pembasmian, tetapi pada hakikatnya, ia merupakan permulaan bagi satu kehidupan yang kekal abadi bagi manusia dan tanda kepada kehidupan itu. Ia seperti biji benih yang ditanam di bawah permukaan bumi yang nampak mati pada zahirnya, tetapi ia sebenarnya hidup. Daripada sebutir biji benih, ia hidup dan menjadi sebatang mayang (padi dan sebagainya) yang sempurna. Meskipun kematian nampaknya seperti suatu pemisahan dari kehidupan, tetapi dalam hakikatnya bagi manusia, ia merupakan tanda permulaan bagi kehidupan di akhirat.

Oleh yang demikian, tidak syak lagi bahawa Yang Maha Berkuasa lagi Mutlak yang memberikan dan mentadbir kehidupan, Dia jugalah yang menguruskan serta mencipta kematian. Kami akan tunjukkan satu dalil yang hebat terhadap kedudukan tauhid yang agung yang terkandung di dalamnya kata-kata berikut: Maka kami katakan: Kami telah terangkannya di Jendela yang Ke 24 daripada Risalah al-Maktubat yang ke-30.

Sesungguhnya makhluk-makhluk yang ada ini mengalir

dengan kehendak Allah SWT... dan sesungguhnya semua makhluk ini hidup sementara di alam ini dengan perintah Allah SWT... dan sesungguhnya makhluk-makhluk di alam semesta ini melalui arus masa secara berterusan dengan perintah Allah SWT., dihantar dari alam ghaib dan akan dianugerahkan kewujudan zahir di alam nyata, kemudian ia akan pulang semula ke alam ghaib dengan teratur. Ia akan sentiasa datang dari zaman akan datang dengan perintah Ilahi dan akan melalui masa yang singkat dan hidup di dalamnya, kemudian ia akan pulang ke zaman yang telah berlalu.

Maka perjalanan para makhluk ini dalam lingkaran rahmat dan ihsan terjadi dengan cara yang paling bijaksana. Perjalanannya dalam lingkaran hikmah dan peraturan yang sistematik pula berlaku dengan penuh ilmu dan perjalanannya dalam lingkaran kasihan belas dan mizan/neraca berlaku dengan penuh rahmat yang luas.

Beginilah para makhluk ini melalui hidupnya daripada mula hingga ke akhir. Ia dihiasi dengan kebijaksanaan, kebajikan, natijah dan matlamat yang mulia.

Maksudnya: Dia Yang Maha Agung lagi Berkuasa, Yang Maha Bijaksana lagi Sempurna itu sentiasa memberikan kehidupan secara berterusan dengan qudrat-Nya yang mutlak. Dia menentukan tugas setiap makhluk yang ada, bahagian bagi setiap kumpulan itu dan pelbagai ciri-ciri yang terdapat dalam setiap kumpulan ... kemudian Allah akan merehatkan mereka dengan bijaksana, dengan menzahirkan bahawa ia dimatikan dan dihantar ke alam

ghaib. Maksudnya: Allah SWT memindahkan mereka daripada lingkaran kuasa kepada lingkaran ilmu.

Jadi, sesiapa yang tidak berupaya untuk menguruskan seluruh alam semesta ini, tidak berupaya melaksanakan hukum-hukumnya pada setiap zaman dan tidak berupaya untuk memberikan kematian dan kehidupan kepada seluruh alam semesta ini sebagaimana semudah yang diberikan kepada seorang individu, serta tidak berdaya menjadikan satu musim bunga seperti semudah ianya menjadikan sekuntum bunga, yang diberikan kehidupan dan diletakkannya di atas permukaan bumi, kemudian dia dijemput oleh maut, sesungguhnya orang yang tidak berupaya menguruskan semua urusan ini, adakah ia layak menjadi pemilik kematian dan pemberi kematian?

Yakni: Kematian mana-mana benda yang hidup – walaupun hanya makhluk yang kecil – seperti kehidupannya, mestilah ia berlaku mengikut undang-undang Allah SWT Yang Maha Agung. Di tangannya terletak semua hakikat kehidupan dan semua jenis kematian. Ia berlaku mengikut izin, kehendak, kekuatan dan ilmu-Nya.

Perkataan kelapan: وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ

Yakni: Allah SWT itu kekal, azali dan selama-lamanya. Ia tidak dikunjungi oleh kematian, kebinasaan, ketiadaan dan kemusnahan sama sekali kerana kehidupan bagi-Nya adalah zat dan zat tidak akan musnah buat selama-lamanya.

Ya! Tidak ragu lagi bahawa sesungguhnya Allah yang azali itu kekal abadi, dan Dia yang wajib ada, semestinya

tidak mempunyai permulaan atau akhir.

Ya! Sesungguhnya setiap hidupan yang wujud terhasil dari pancaran Nur-Nya. Ia merupakan salah satu bayang-Nya. Jadi, bagaimana ia boleh ditimpa ketiadaan!

Ya! Sesungguhnya ketidakwujudan, kefanaan dan ketiadaan sama sekali tidak boleh menceroboh dan menafikan kehidupan yang melalui manifestasinya semua kehidupan terus menerus wujud, di mana semua hakikat alam semesta yang stabil ini bergantung, dan melaluinya mereka hidup.

Ya, satu sinaran dari manifestasi kehidupan itu menghasilkan wahdah (keesaan) kepada kepelbagaian perkara, yang semuanya tertakluk kepada kemusnahan dan kematian, dan menjadikan mereka berupaya menunjukkan kemandirian; ia menyelamatkan mereka dari berpecah-belah, memelihara kewujudan mereka dan merupakan satu manifestasi kesinambungan untuk mereka kekal abadi.

Iaitu, kehidupan menunjukkan perpaduan dalam kepelbagaian dan ia menjadikannya kekal. Sekiranya kehidupan berlalu, perpaduan hancur, ia akan berhenti.

Sudah tentu, masa yang singkat dan kefanaan tidak boleh menghalang kehidupan yang diperlukan, dari satu manifestasi yang mana semua sinaran kehidupan yang tidak terkira banyaknya itu diteruskan. Saksi-saksi yang menentukan kebenaran ini adalah kefanaan dan keadaan masa yang singkat dalam kewujudan alam semesta.

Iaitu, melalui kewujudan dan kehidupan mereka,

makhluk-makhluk menjadi saksi dan menunjuk kepada kehidupan Yang Maha Hidup dan kewujudan kehidupan-Nya yang diperlukan, dan melalui kematian dan ketiadaan mereka, menjadi saksi dan menunjuk kepada keabadian kehidupan-Nya yang kekal.

[Ketika Nabi Ibrahim (A.S) merujuk kepada perkara terbit dan terbenamnya matahari dalam perdebatannya dengan Nimrod terhadap kehidupan dan kematian¹, ia adalah perantara dan kemajuan dalam hujah dari makna tertentu pada maksud pemberian hidup dan mati kepada makna yang universal.

Ia menunjukkan skop bukti yang paling terang dan paling luas, tidak seperti yang ditegaskan oleh beberapa pengulas mengenai Al-Quran dengan meninggalkan dalil tersembunyi untuk memberikan dalil zahir yang lebih nyata dan jelas.]

Oleh kerana fakta telah menunjukkan bahawa dalam kematian, makhluk lain turut mengikuti selepas itu, mempamerkan kehidupan seperti mereka dan mengambil tempat mereka, menunjukkan bahawa ada makhluk hidup yang tidak henti-henti yang terus memperbaharui manifestasi kehidupan.

Buih di permukaan sungai yang mengalir berkilauan di bawah sinar matahari dan hilang. Gerombolan selepas gerombolan buih muncul, mengikuti satu demi satu. Mereka memaparkan kilauan yang sama, dipadam dan dihilangkan. Dalam keadaan berkilauan dan dipadamkan dengan cara

¹ Lihat, Al-Quran, 2:258.)

ini, mereka menunjuk kepada kesinambungan matahari yang tinggi dan berkekalan.

Begitu juga, penggantian kehidupan dan kematian dalam makhluk-makhluk yang sentiasa bergerak ini memberi kesaksian kepada kesinambungan dan keabadian Dia Yang Maha Hidup Lagi Kekal Abadi. Ya... sesungguhnya makhluk ini umpama cermin. Akan tetapi, seperti juga kegelapan yang menjadi cermin kepada cahaya, yang mana apabila kegelapan semakin bertambah, kilauan cahaya juga semakin bertambah, maka makhluk juga, dari sudut yang berlainan dan dalam banyak aspek mengambil tempat umpama cermin.

Contohnya: makhluk-makhluk ini melakukan tugas cermin untuk menzahirkan kekuasaan Pencipta melalui kelemahannya. Dengan kemiskinannya pula, ia menjelaskan kekayaan Allah SWT begitu juga dengan kemusnahannya, ia menunjukkan keabadian Allah SWT.

Ya, sesungguhnya dalam suasana kebuluran dan kemiskinan yang digambarkan oleh pokok-pokok pada musim sejuk dan yang akan menukar bajunya yang serba kekurangan itu dengan baju yang penuh dengan kekayaan dan kemewahan sebaik sahaja musim bunga yang berwarna-warni itu tiba menunjukkan kekuasaan dan kekayaan daripada Dia Yang Maha Kuasa lagi Maha Kaya.

Ya, semua yang wujud seolah-olahnya mengucapkan doa yang sama dan bermunajat kepada Tuhannya umpama munajat yang dikemukakan oleh Uwais al-Qarani.

Dengan berkata:

Wahai Tuhan kami!

Engkaulah Tuhan kami. Kami semua adalah hamba-Mu yang tidak berdaya mendidik dan mentarbiah jiwa kami. Engkaulah yang mentarbiah kami!

Engkaulah Pencipta dan kami adalah makhluk ciptaan-Mu!

Engkaulah yang memberi rezeki dan kami amat berhajat kepada rezeki itu. Kami lemah dan tidak berdaya, jadi Engkaulah yang mencipta dan memberi rezeki kepada kami!

Engkaulah Tuan dan kami Kau miliki. Engkaulah yang menguruskan hal ehwal kami. Engkaulah Tuhan kami!

Engkaulah Yang Maha Besar lagi Maha Agung kerana kami amat hina. Kami memakai baju kehinaan, tetapi kami ada kemuliaan yang tinggi kerana kami adalah cermin kemuliaan-Mu!

Engkaulah Yang Maha Kaya dan kami adalah miskin. Kekayaan datang kepada kami, memberikan kepada kami apa sahaja yang tidak mampu kami capai. Engkaulah Yang Maha Kaya dan Engkaulah Yang Maha Memberi!

Engkaulah yang hidup lagi kekal selama-lamanya, kerana kami akan mati dan binasa. Kami melihat kehidupan berkekalan yang nyata dalam hidup dan mati kami selepas kami dibangkitkan semula dalam manifestasi pemberi kehidupan yang kekal abadi. daripadaMu!

Ya, Engkau, Engkaulah Sentiasa Kekal, kerana kami melihat kesinambungan dan kelangsungan kehidupan dalam kematian dan kefanaan kami! Engkaulah Yang Maha Menerima doa dan Engkulah Yang Maha Pemurah. Kami dan semua yang ada memohon dengan lidah kami dan dengan keadaan kami, kami memohon, kami merayu, kami meminta dan Engkau menunaikan permintaan kami. Engkau penuhi keinginan kami dan Engkau laksanakan matlamat kami. Engkaulah yang menunaikan semua ini wahai Tuhan kami!

Dan begitulah... semua makhluk yang ada ini, sama ada yang khusus atau yang umum memohon dan bermunajat kepada Tuhannya seperti al-Uwais al-Qarani. Setiap satu menunaikan tugasnya umpama cermin dan setiap satunya melalui kelemahan dan kemiskinan mengaku qudrat kekuasaan Allah SWT.

Perkataan kesembilan: بِيَدِهِ الْخَيْرُ

Maksudnya: Semua kebaikan berada di tangan-Nya dan tertulis dalam catatan-Nya. Semua nikmat ada dalam khazanah-Nya. Jadi, sesiapa yang mahukan kebaikan hendaklah memohon pada-Nya dan sesiapa yang inginkan ihsan hendaklah mendekati diri kepada-Nya.

Di sini kita akan menyentuh salah satu dalil yang amat luas kilauannya daripada dalil-dalil; yang tidak terkira banyaknya. Untuk menerangkan hakikat perkataan ini dengan sejelas-jelasnya daripada khazanah ilmu Ilahi, kita katakan:

Sesungguhnya Pencipta Yang Maha Agung yang mencipta dan melakukan perbuatan-perbuatan-Nya yang nyata di seluruh pelusuk alam semesta ini mempunyai ilmu yang meliputi semua benda. Dan sesungguhnya ilmu itu khusus, perlu dan penting bagi zat-Nya yang tinggi itu. Adalah mustahil untuk memisahkan ilmu itu daripada zat-Nya sebagaimana kewujudan zat matahari tanpa cahaya tidak boleh diterima, begitu juga Pencipta Yang Maha Agung yang mencipta semua makhluk ini dengan sistem yang sangat teratur, tidak mungkin sama sekali ilmu-Nya terpisah daripada-Nya.

Ilmu yang meliputi semua perkara ini penting pada zat-Nya yang tinggi itu. Ia juga penting kepada semua perkara dari segi kebergantungan mereka. Yakni: Tidak mungkin sesuatu benda itu akan terlindung dan tersembunyi daripada-Nya dalam apa jua keadaan sekali pun. Hal ini kerana sebagaimana matahari, tidak mungkin ia tidak dapat menyinari benda-benda yang bertaburan di atas permukaan bumi ini, sedangkan ia berhadapan dengan benda-benda itu tanpa hijab/tabir. Begitu juga tidak mungkin sama sekali, bahkan mustahil benda-benda itu akan terlindung daripada nur ilmu Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Agung itu. Hal ini berlaku kerana adanya al-Huzur, iaitu semua benda berada di bawah pengawasan-Nya, berhadapan dengan-Nya, berada dalam daerah yang boleh dilihat oleh Allah SWT. Dan sesungguhnya ilmu-Nya terpancar dalam semua perkara.

Walaupun sinaran matahari yang kaku dan cahaya-cahaya buatan manusia yang lemah iseperti sinaran x-ray

yang tidak berperasaan itu dan sinaran-sinaran lain lagi, saya katakan ... walaupun sinaran-sinaran ini baru, serba kekurangan dan tidak kekal, tetapi setiap benda yang berhadapan dengannya akan dapat dilihat dan ditembusi oleh sinaran tersebut. Jadi, bagaimana pula dengan nur/cahaya ilmu yang azali, yang wajib, yang meliputi dan yang zati!!!.

Oleh itu, sudah semestinya tidak ada satu benda pun yang tersembunyi daripada-Nya dan tidak ada satu perkara pun yang berada di luar kawalan-Nya.

Di alam ini, terdapat tanda-tanda dan dali-dalil yang tidak terhitung banyaknya. Semuanya menunjukkan kepada hakikat kebenaran seperti yang kita dapat saksikan dalam contoh-contoh berikut:

Semua kebijaksanaan dan hikmat yang dapat dilihat pada makhluk-makhluk ini merujuk kepada ilmu yang menyeluruh itu, kerana untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan bijaksana sudah tentu memerlukan ilmu.

Begitu juga penjagaan dan hiasan yang terdapat pada semua makhluk ini merujuk kepada ilmu yang menyeluruh itu, kerana yang mencipta sesuatu dengan lemah lembut, kasih sayang dan penuh pengawasan mestilah berilmu dan Dia melakukannya dengan ilmu.

Begitu juga dengan setiap makhluk yang diatur dan ditimbang dengan neraca yang tepat dan setiap bentuknya yang teratur itu juga menunjukkan kepada ilmu yang menyeluruh tadi, kerana pekerjaan yang dilakukan dengan

teratur dilakukan dengan ilmu.

Begitulah ... semua penjagaan dan hiasan menunjukkan ilmu itu kerana Allah yang mencipta makluk ciptaan-Nya dengan ukuran, neraca/mizan, takdir dan dengan itqan (bersungguh-sungguh), tidak ragu-ragu lagi akan mencipta apa yang diinginkan bersandarkan kepada ilmu-Nya yang luas itu.

Begitu juga dengan semua ukuran yang teratur, yang dapat dilihat pada semua makhluk ini, dalam bentuk-bentuk yang diberikan, berdasarkan kebijaksanaan dan kebajikan, bentuk-bentuk yang dikeluarkan dan dalam kedudukan yang menguntungkan, yang disusun mengikut perlembagaan qada' dan undang-undang qadar. Sesungguhnya ia menunjukkan ilmu yang menyeluruh.

Ya, pelbagai benda yang berbeza digambarkan dengan cara yang teratur dan semua benda dibentuk dengan bentuk yang khusus dan sesuai dengan kewujudan dan kebajikan hidupnya. Hal ini semua berlaku dengan ilmu yang menyeluruh, bukannya dengan perkara lain.

Begitu juga dengan pemberian rezeki kepada semua benda yang hidup – yang tidak boleh dikira banyaknya - pada masa yang sesuai dan dengan cara yang sesuai kepada setiap satu daripada mereka juga berlaku dengan ilmu yang menyeluruh. Hal ini kerana yang memberi rezeki, tidak syak lagi mengetahui keadaan orang yang berhajat kepada rezeki itu. Dia mengenalinya, mengetahui waktu rezekinya dan memahami keperluannya dan seterusnya rezeki itu diberi dengan cara yang sebaik-baiknya dari arah yang tak

disangka-sangka.

Begitu juga dengan kematian semua benda yang hidup ini. Ajalnya sudah ditentukan dengan kanun penentuan, walaupun ia dilindungi dengan tanda-tanda sebab dan akibat. Ia menunjukkan ilmu yang meliputi semua perkara, kerana ajal semua kumpulan makhluk yang bernyawa ditentukan pada masa yang dibataskan antara dua batasan, permulaan dan akhirnya. Oleh itu, penjagaan yang dibuat ke atas biji benih, buah dan hasilnya itu setelah ajalnya tiba akan melanjutkan lagi tugasnya selepas kematian dan buah serta hasilnya itu akan dipindahkan kepada kehidupan yang baru. Perkara ini juga menunjukkan ilmu yang menyeluruh-Nya itu.

Begitu juga dengan rahmat yang luas yang dianugerahkan kepada semua makhluk ini. Semuanya dianugerahi rahmat yang sesuai dengannya. Semuanya ini menunjukkan ilmu yang menyeluruh yang terkandung dalam rahmat-Nya yang luas itu. Hal ini adalah kerana orang yang memelihara kanak-kanak dan anak-anak kecilnya dengan air susu dan menolong tumbuhan bumi yang memerlukan air dengan air hujan semestinya mengetahui keperluan-keperluan mereka. Dia tentunya melihat tumbuh-tumbuhan itu dan mengetahui kepentingan air hujan kepadanya. Lantas, air itu dihantar kepada tumbuh-tumbuhan tersebut.

Begitulah ... pemberian yang tidak ada batasnya, yang diberikan oleh rahmat Allah SWT yang luas, yang dihiasi dengan jagaan dan kebijaksanaan menunjukkan ilmu yang menyeluruh.

Begitu juga ketelitian dan perhatian, seni rupa bentuk dan hiasan yang mahir dan kesenian yang halus dalam semua penciptaan benda menunjukkan ilmu yang menyeluruh. Kerana hanya penciptaan yang melalui pengetahuan yang mendalam, keadaan yang teratur, dihiasi, artistik, dan bertujuan dapat dihasilkan dari kalangan beribu-ribu kemungkinan yang wujud. Pilihan yang jelas dalam penciptaan semua makhluk ini menunjukkan pengetahuan yang menyeluruh.

Juga, kesenangan yang jelas dalam penciptaan dan dalam pengwujudannya menunjukkan pengetahuan yang sempurna. Kerana kesenangan dalam mencapai situasi tertentu sepadan dengan tahap pengetahuan dan kemahiran. Walau bagaimanapun telah diketahui, ia telah dicapai dengan tahap kesenangan yang mudah.

Oleh itu, kita melihat semua makhluk, setiap satu adalah mukjizat hasil seni. Ia dicipta dengan begitu mudah dan senang; tanpa masalah dan kecelaruan dalam masa yang singkat dan dalam bentuk mukjizat yang paling sempurna. Maksudnya: Terdapat ilmu yang tidak dapat dibatasi sempadan yang dapat melaksanakan pekerjaan ini dengan begitu mudah dan senang.

Begitulah ... tanda-tanda yang benar dan sempurna yang seumpamanya yang disebutkan di atas menunjukkan bahawa Allah SWT, iaitu Tuhan Yang Maha Agung yang mentadbirkan hal ehwal alam ini dan menguruskan segala urusannya dengan mempunyai ilmu yang meliputi semua perkara. Dialah yang memiliki ilmu yang meliputi semua

urusan benda itu dan perbuatan-Nya dilakukan berdasarkan ilmu tersebut.

Oleh sebab Allah SWT mempunyai ilmu seperti ini, maka sudah tentu Dia juga melihat manusia dan melihat amalan-amalannya. Begitu juga Dia mengetahui apa yang sesuai dengan manusia itu dan apa yang patut diperoleh. Oleh itu, Allah SWT berurusan dengannya mengikut hikmah dan rahmat-Nya. Wahai manusia! Pulanglah kamu kepada akal fikiranmu dan fikirlah betul-betul akan kedudukan betapa Dia yang mengetahui keadaanmu, melihat dan mengawasimu. Hayatilah perkara ini dan berwaspadalah selalu!

Dan apabila dikatakan padamu:

Sesungguhnya ilmu sahaja tidak mencukupi.. Iradah (kehendak) juga adalah penting kerana sekiranya kehendak tidak ada, maka ilmu sahaja tidak memadai.

Jawapannya: Semua benda yang ada ini menunjukkan ilmu yang menyeluruh dan menjadi saksi kepada perkara tersebut. Ia juga menunjukkan kehendak mutlak Allah yang Maha Mengetahui ke atas semua perkara. Semua benda, termasuklah benda-benda hidup diberi watak/peranan yang amat teratur. Watak itu diberi melalui satu kemungkinan yang telah ditentukan – antara kemungkinan yang banyak dan bercampur aduk itu – dan melalui satu cara yang amat produktif di antara cara yang banyak dan yang tidak berfaedah itu – dan di antara kemungkinan yang banyak itu, Dia berulang kali membuat pilihan. Hal ini semua menunjukkan iradah yang menyeluruh dengan aspek

yang tidak terbatas. Hal ini kerana pemberian bentuk yang tersusun dan gambaran yang teratur, yang hisabnya dikira dengan neraca yang amat tepat dan sensitif, dengan sukatan yang amat teliti, yang disusun dengan amat teliti dan halus, yang dipilih daripada kemungkinan-kemungkinan yang tidak terbatas yang melingkari kewujudan semua benda dan dikelilingi oleh cara-cara yang tidak berguna yang juga tidak terbatas dan berada di tengah-tengah unsur yang beku, bercampur-aduk dan mengalir tanpa neraca ... bahkan dengan spontan dan secara terpaksa, dengan penyaksian, ia menunjukkan kesan daripada kehendak yang menyeluruh itu tadi. Hal ini kerana pemilihan daripada beberapa keadaan tertentu yang tidak terbatas itu berlaku dengan cara yang dipilih, dengan cara yang disengajakan, dengan kehendak serta ditentukan.

Apa yang di tentukan memerlukan penentu dan apa yang di pilih memerlukan pemilih. Dengan itu penentu dan pemilih memerlukan iradah (kehendak).

Misalnya:

Mencipta badan manusia yang menyerupai sebuah mesin yang mengandungi ratusan alat yang berbeza dan berlainan daripada setitis mani dan mencipta seekor burung yang mempunyai ratusan anggota yang berlainan daripada sebiji telur yang mudah dan ringkas dan mencipta sepohon pokok yang mempunyai ratusan cabang dan dahan yang berbeza daripada sebutir biji benih yang kecil ... penciptaan ini tidak syak lagi menunjukkan kekuasaan dan ilmu, sebagaimana ia menjadi saksi yang meyakinkan dan penting terhadap

iradah kulliyah (kehendak yang menyeluruh) Pencipta Yang Maha Tinggi itu memberi bentuk yang khusus kepada semua bahagian dan anggota benda tersebut. Lalu, Allah SWT memakaikannya dengan bentuk yang tertentu.

Kesimpulannya:

Persamaan anggota-anggota penting yang terdapat pada benda dan hidupan contohnya, dari segi asas, natijah dan kesesuaiannya, serta memperlihatkan makhluk itu dengan menggunakan jalan yang sama dan dari mohor keesaan yang sama – menunjukkan bukti yang pasti bahawa Pencipta yang mencipta semua binatang ini adalah satu dan tunggal.. Begitu juga dengan bentuk yang berbeza yang diberikan kepada semua binatang itu. Perbezaan itu dibuat dengan penuh hikmah dan sifat-sifatnya ditentukan dengan penuh teliti. Walaupun ia berbeza dan berlainan, tetapi ia menunjukkan satu bukti yang nyata bahawa Penciptanya adalah satu, iaitu Pencipta Yang Maha Mukhtar (memilih) dan Maha Murad (menghendaki). Dia melakukan apa sahaja yang Dia mahu. Apa yang mahu dilakukan akan dilakukan dan apa yang tidak mahu dilakukan akan ditinggalkan. Dia mencipta dan melakukan dengan sengaja dan dengan kehendak-Nya.

Petanda dan petunjuk terhadap ilmu Allah S.W.T dan kehendak Rabbaniyyah-Nya itu banyak, sebanyak bilangan makhluk, bahkan sebanyak sifat-sifat-Nya. Oleh itu, penafian yang dibuat oleh sekumpulan ahli falsafah terhadap kehendak Allah dan penafian yang dibuat oleh sekumpulan ahli al-bidaah terhadap kekuasaan Allah dan

dakwaannya sekumpulan ahli yang sesat bahawa Allah tidak melihat juz' iyyat (yang khusus) dan sandaran yang dibuat oleh ahli tabii terhadap sekumpulan makhluk ini kepada alam semula jadi dan sebab merupakan satu pembohongan dan pendustaan yang keji, yang tidak dapat diterima oleh seluruh makhluk, bahkan ia merupakan satu kesesatan dan kedunguan yang berlipat kali ganda banyaknya berbanding dengan jumlah dan bilangan makhluk dan segala sifat-sifat-Nya.

Hal ini kerana orang yang mendustai bukti-bukti yang benar akan terus mereka-reka pendustaan lain yang tidak terbatas.

Dari sini kita dapat melihat betapa besarnya kesilapan dan betapa ia bersalahan dengan hakikat sebenarnya dengan mengatakan “semula jadi” sebagai ganti kata: Insya Allah ... Insya Allah dalam peristiwa-peristiwa harian yang berlaku.

Perkataan Kesepuluh: وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (Dia berkuasa keatas semua perkara.)

Yakni: Tidak ada suatu perkara pun yang susah bagi Allah SWT. Apa jua yang berada dalam daerah kemungkinan boleh dicipta dan diberikan kewujudan dengan begitu mudah dan senang. Perkara ini amat mudah bagi Allah SWT. Hanya dengan satu perintah, sesuatu perkara itu akan terjadi seperti yang disebut dalam firman Allah yang berbunyi:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا... الخ

Maksudnya: “Hanyalah perintah-Nya (urusan-Nya);

apabila Dia hendak (mengadakan) sesuatu,” (Yasin: 82)

Sebaik sahaja tangan seorang tukang yang sangat mahir mula menyentuh sesuatu objek itu, maka tangannya akan terus sahaja bekerja semudah pekerjaan seperti sebuah mesin. Ada satu ungkapan yang diucapkan berkenaan dengan kepantasan dan kemahiran tersebut, iaitu pekerjaan dan rekaan itu amat mudah bagi-Nya dan dicipta oleh tangan-Nya sendiri seolah-olah pekerjaan dan rekaan itu siap hanya dengan perintah dan sentuhan-Nya. Lantas, pekerjaan dilakukan dan ciptaan dihasilkan.

Di sisi kekuasaan Allah Yang Maha Berkuasa, benda-benda itu dicipta dengan begitu mudah sekali dan dipandu dengan begitu sempurna. Dan kekuasaan itu melakukan dan melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan amat mudah, tanpa pengendalian dan tanpa susah payah sehingga digambarkan oleh Allah dalam firman-Nya:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

“Hanyalah perintah-Nya (urusan-Nya); apabila Dia hendak (mengadakan) sesuatu, dikatakan-Nya: Jadilah! Lalu jadi.” (Yasin: 82)

Kami akan menerangkan lima daripada rahsia yang tidak terbatas, iaitu rahsia yang berkaitan dengan hakikat yang besar dan ini dapat diterangkan dalam lima pokok perbincangan.

Pertama:

Sesungguhnya sebesar-besar perkara adalah mudah dan

senang bagi kekuasaan Allah SWT sama seperti sekecil-kecil perkara. Penciptaan sejenis hidupan dengan seluruh angotanya adalah mudah, semudah mencipta satu angotanya sahaja. Dan penciptaan syurga yang luas itu senang dan mudah bagi Allah, semudah mencipta satu musim bunga dan mencipta satu musim bunga adalah mudah sama seperti mencipta sekuntum bunga.

Perkara ini telah kita jelaskan pada akhir Kalimat ke 10 dan ketika menerangkan asas yang kedua daripada Kalimat ke 29, iaitu ketika menerangkan enam daripada rahsia *Tamthiliyyah* (perbandingan). Rahsia-rahsia itu ialah rahsia nuraniyyah, rahsia shaffafiyah, rahsia muqabalah, rahsia muwozanah, rahsia intizam, dan rahsia ketaatan. Dan di sini juga kita telah buktikan bahawa penciptaan bintang-bintang adalah semudah mencipta satu atom dan penciptaan individu yang ramai adalah semudah mencipta seorang individu.

Kedua:

Sesungguhnya bukti yang jelas lagi meyakinkan itu menunjukkan bahawa semua perkara adalah sama di sisi kekuasaan Allah SWT. Kita dapat menyaksikan dengan mata kepala kita sendiri bahawa dalam pewujudan haiwan dan tumbuh-tumbuhan, terdapat kesungguhan dan pewujudan yang amat baik dan indah sekali, walaupun dalam kepelbagaian dan kebebasan yang tidak terhad.

Dalam ciptaan itu juga, perbezaan dan kelainan yang tinggi tanpa kecelaruan yang amat jelas dapat disaksikan dalam keadaan kecelaruan dan percampuran yang banyak.

Dan dalam hal yang banyak dan melimpah-limpah ini, ciptaan yang amat tinggi nilainya dan amat indah buaatannya juga dapat disaksikan. Semua benda dicipta dengan begitu mudah dan cepat walaupun benda-benda tersebut memerlukan peralatan yang banyak dan masa yang panjang untuk mendapatkan ciptaan yang terbaik, sehingga seolah-olah mukjizat ciptaan yang indah itu dapat dihasilkan dalam sekelip mata sahaja.

Tindak balas kekuasaan Allah SWT yang luas ini, yang dapat dilihat di seluruh permukaan bumi dan pada setiap musim menunjukkan bukti yang nyata bahawa sebesar-besar benda di sisi kekuasaan Allah SWT, yang merupakan sumber tindak balas ini adalah mudah dan senang seperti sekencil-kecil benda. Dan untuk mengadakan individu-individu yang tidak terbatas ini dan menguruskannya adalah senang bagi Allah S.W.T sama seperti mengadakan dan menguruskan seorang individu sahaja.

Ketiga:

Sesungguhnya sebesar-besar benda seperti sekecil-kecil benda, mudah pada kekuasaan Pencipta Yang Maha Berkuasa yang memudahkan segala urusan di muka bumi seperti yang dapat dilihat dalam perbuatan dan tindakannya. Mengadakan al-kull (yang umum) dengan banyak dan pelbagai dari segi individu adalah senang dan mudah bagi-Nya sama seperti mengadakan al-juz'i (yang khusus). Dan keindahan ciptaan yang baik boleh dilihat dalam benda biasa yang paling kecil.

Rahsia kebijaksanaan hakikat ini terpancar dalam tiga

sumber, iaitu:

Pertama: *Imdad al-Wahidiyyah* (daripada bantuan dalam wahidiyah)

Kedua: *Yasurr al-Wahdah* (daripada kemudahan dalam wahidiyah)

Ketiga: *Tajalli al-Ahadiyyah* (daripada kemudahan dalam manifestasi keesaan)

Sumber yang pertama: إمداد الواحدية

Yakni: Sekiranya semua benda dan semua perkara adalah milik dan kepunyaan Allah Yang Maha Esa, maka ketika itu kemungkinan – dari segi *al-Wahidiyyah* – selain kekuatan setiap benda, Dia akan menghimpunkan kekuatan semua benda dan mengendalikan urusan semua benda itu dengan mudah seperti menguruskan satu benda sahaja.

Dan untuk memudahkan rahsia ini difahami, kita bawakan satu contoh (perbandingan):

Sebuah negara yang diperintahkan oleh seorang sultan boleh menghimpunkan kekuatan maknawi seluruh angkatan tentera, selain kekuatan setiap orang askarnya melalui undang-undang kesultanan yang satu. Oleh itu, seorang askar boleh menawan seorang ketua tertinggi daripada pihak musuh, bahkan beliau mungkin boleh menguasai orang-orang yang lebih tinggi pangkatnya daripada ketua itu tadi dengan nama sultannya.

Lagipun sultan itu, bagaimana cara baginda menggunakan seorang pegawai atau seorang tentera, begitulah juga

cara yang digunakan oleh baginda untuk menguruskan semua pegawai dan semua tenteranya, iaitu dengan rahsia kesultanan yang satu. Baginda seolah-olah mengutuskan setiap orang dan setiap benda dengan rahsia kesultannya yang satu itu untuk membantu sesiapa sahaja. Setiap warganegaraanya boleh bergantung pada kekuatan semua warganegara, iaitu dia boleh meminta bantuan daripada kekuatan itu.

Akan tetapi, sekiranya tali kesultanan yang satu itu terputus dan negara menjadi kucar-kacir dan porak-peranda, maka pada saat itu kekuatan semua tentera akan hilang sama sekali. Kedudukan mereka yang tinggi lagi berpengaruh itu akan turun ke tahap manusia biasa. Dan pada masa itu akan timbullah masalah-masalah pentadbiran dan pengurusan yang banyak, sebanyak bilangan rakyat negara tersebut.

Begitu juga dengan pencipta alam ini (وَرَبِّهِ الْمُنْتَلِ) (الأعلى), dengan keadaan-Nya Yang Esa itu, Allah s.w.t. menghimpunkan semua nama-Nya yang ditujukan kepada semua benda dan semua perkara. Maka terciptalah satu bentuk ciptaan yang amat menarik dan amat sempurna. Dan sekiranya perlu, semua benda itu akan ditujukan kepada benda yang satu, ia akan dibantu oleh benda itu dan dengannya, ia akan dikuatkan. Dan Dia mencipta semua perkara dengan rahsia keesaan. Dia mengendalikannya, menguruskan hal ehwal benda itu seolah-olah satu benda sahaja yang dicipta.

Daripada rahsia ini, iaitu rahsia imdad al-Wahidiyyah, anda akan dapati bahawa dalam kalangan makhluk-

mahluk itu terdapat jenis-jenis yang baik, yang bernilai, yang elok dan yang teramat indah, yang boleh didapati dalam kemewahan dan kemurahan yang mutlak.

Sumber yang kedua: الذي هو يسر الوحدة

Yakni: Tindakan dan perbuatan yang dilakukan, yang disepadukan daripada satu sumber, satu pusat, satu tindakan dan satu undang-undang atau peraturan akan menghasilkan kemudahan yang mutlak. Sebaliknya, kalau ia diuruskan oleh pelbagai pusat, dengan pelbagai peraturan dan dengan pelbagai kuasa, sudah tentu pelbagai kesulitan dan masalah akan timbul.

Contohnya: Sekiranya semua tentera diberikan bekalan dan kelengkapan dari satu pusat, dengan satu peraturan dan dengan satu perintah seorang panglima tertinggi sahaja, sudah tentu urusan itu dapat dilakukan dengan mudah, semudah menyediakan seorang tentera sahaja. Sebaliknya, kalau penyediaan tentera itu diserahkan kepada pelbagai markas dan pelbagai pusat, pada saat itu, semua markas dan semua pusat tentera mesti membekalkan peralatan-peralatan yang perlu untuk mempersiapkan walaupun bagi seorang tentera sahaja.

Maksudnya, sekiranya sesuatu urusan itu diserahkan kepada seorang individu sahaja, maka penyediaan seluruh tentera menjadi mudah dan senang. Akan tetapi, sekiranya tidak ada kesepakatan, maka untuk membekalkan seorang tentera dengan alat-alat kelengkapan asas pun akan menimbulkan banyak masalah, sebanyak jumlah tentera itu.

Begitu juga apabila buah mana-mana pokok – dari sudut al-Wahdah – dibekalkan Mawad Hayatiyyah (baja) dari satu pusat, dengan satu peraturan dan bergantung pada akar yang sama, maka beribu-ribu buah pokok itu akan mendapat baja dengan senang dan mudah, sama seperti sebiji buah. Sebaliknya, kalau setiap biji buah itu disambungkan kepada pelbagai pusat atau sumber, yang membekalkan baja kepada setiap biji buah, maka pada masa itu akan timbullah pelbagai masalah, sebanyak jumlah buah-buahan yang terdapat pada pokok tersebut. Hal ini kerana baja yang diperlukan oleh sebatang pokok itu diperlukan juga oleh setiap biji buah yang terdapat di pokok itu.

Begitulah ... dan dengan dua contoh perbandingan ini, **وَاللَّهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَى**, maka Pencipta alam ini dengan keadaannya Yang Satu, Yang Maha Esa, mencipta setiap yang Dia mahu dengan wahdah (keesaan-Nya). Dan oleh kerana Dia mencipta dengan wahdah itu, maka ciptaan-Nya menjadi mudah dan senang seperti Dia mencipta satu benda sahaja. Tambahan pula, Dia mencipta sesuatu benda dengan amat sempurna sama seperti Dia mencipta semua benda. Dia mencipta individu-individu yang amat tinggi nilainya serta tidak ada batasnya. Maka sifat pemurah-Nya yang mutlak itu diserlahkan oleh lidah/kata-kata saksi yang dermawan dan kemurahannya yang tidak bertepi. Dan dengan kata-kata itu juga, sifat pemurah dan ciptaan-Nya yang mutlak itu dilahirkan.

Sumber yang ketiga: وهو تجلي الأحدية

Yakni: Pencipta Yang Maha Agung ini tidak berubah

dan tidak berjisim. Oleh itu, Dia tidak terikat dengan masa dan juga tempat. Kehadiran-Nya juga tidak dicampuri oleh alam semesta dan tempat. Medium (perantaraan) dan jirim tidak melindungi perbuatan-Nya dengan hijab/tabir. Tidak ada pembahagian dan pemisahan dalam tawajjuh Allah SWT dan tidak ada satu benda pun yang dapat menghalang benda yang lain. Perbuatan-Nya yang tidak terbatas itu dilakukan sama seperti Dia melakukan satu perbuatan sahaja. Oleh itu, Dia memasukkan makna sepohon pokok yang amat besar dalam sebutir biji benih yang kecil dan memasukkan alam dalam diri seorang individu. Dia menguruskan seluruh alam ini dengan tangan qudrat-Nya seperti menguruskan seorang individu sahaja.

Sebagaimana kita jelaskan rahsia ini dalam kitab al-Kalimat yang lain, kita juga katakan: Cahaya matahari yang tidak ada batasnya menembusi semua benda yang bersinar, yang mana ia adalah cahaya nurani. Kalau ia dihadapkan kepada ribuan bahkan jutaan cermin, maka bentuknya yang bercahaya nurani lagi unggul itu akan masuk ke dalam semua cermin tanpa berpecah-belah, sebagaimana yang berlaku kepada satu cermin sahaja. Sekiranya cermin-cermin itu mempunyai daya tarikan, maka matahari dengan kebesarannya boleh melahirkan kesan-kesannya di dalam cermin itu. Suatu benda tidak menghalang benda yang lain, kerana ia – contoh matahari tadi – menembusi satu cermin seperti ia menembusi ribuan cermin dengan amat sempurna. Ia boleh berada di suatu tempat dengan mudah, sama seperti ia berada di ribuan tempat yang lain. Dan setiap cermin dan setiap tempat menjelaskan ketinggian matahari sebagaimana ia berada di ribuan tempat., **وَاللَّهُ الْمَثَلُ**.

(الأَعْلَى) Sesungguhnya Pencipta Alam Yang Maha Tinggi ini, mempunyai tajalli (keterserlahan), dengan rahsia tawajjuh *Ahadiyyah*, dengan semua sifat-Nya yang tinggi, yang merupakan nur, dengan semua nama al-Husna-Nya yang merupakan cahaya nurani, maka Dia berada di setiap tempat; tidak dibatasi tempat dan tiada pembahagian dalam tawajjuh-Nya. Dia mencipta dan membuat apa yang Dia mahu di setiap tempat, dalam masa yang sama tanpa susah payah, tanpa pengendalian dan tanpa perlu bersesak-sesak.

Maka dengan rahsia ini, iaitu *imdad al-wahidiyyah*, *yasurr al-wahdah* dan *tajalli al-ahadiyyah*:

Apabila semua makhluk itu disandarkan kepada satu Pencipta, maka makhluk-makhluk itu memudahkan, sama seperti satu makhluk sahaja. Dan setiap makhluk ini, dari segi keindahan dan kesempurnaan mempunyai nilai yang tinggi, sama seperti nilai semua makhluk. Begitu juga dengan kehalusan dan ketelitian ciptaan yang indah ini, yang ada dalam setiap makhluk – walaupun makhluk-makhluk ini banyak – menjelaskan hakikat/kebenaran ini.

Dan sekiranya semua makhluk yang ada ini tidak bersandar kepada satu pencipta sahaja, maka setiap makhluk itu, pada waktu itu akan menghadapi pelbagai masalah, sebanyak masalah yang menimpa semua makhluk yang ada. Dan nilai semua makhluk itu akan turun kepada nilai satu makhluk sahaja. Dalam keadaan ini, tiada suatu benda pun akan muncul dalam alam wujud ini, ataupun sekiranya ada, ia tidak bernilai dan tidak berharga tinggi.

Daripada rahsia ini, anda akan mendapati bahawa

puak-puak sophist yang ekstrem dalam falsafah, yang mahir dalam bidang itu telah memilih jalan yang sesat dan tergelincir daripada jalan yang benar. Mereka berpendapat bahawa jalan syirik yang susah dan yang sukar serta tidak masuk akal itu, yang beribu kali lebih sukar berbanding jalan tauhid itu ialah jalan kebenaran. Oleh sebab itu, mereka terpaksa mengingkari kewujudan semua makhluk dan terpaksa melupakan akal fikiran mereka.

Keempat:

Sesungguhnya penciptaan syurga adalah mudah dan senang, sama seperti penciptaan musim bunga bagi Dia Yang Maha Kuasa. Dan penciptaan musim bunga itu pula adalah mudah dan senang, sama seperti mencipta sekuntum bunga di sisi qudrat Allah SWT yang mengendalikan urusan alam ini dengan perbuatan-Nya yang jelas dan boleh dilihat. Kecindahan seni sekuntum bunga dan kehalusan dalam ciptaannya mungkin secantik dan berharga seperti satu musim bunga yang berwarna warni.

Dan rahsia hakikat ini ada pada tiga perkara:

Pertama: *الوجوب والتجرد في الصانع الجليل* (keperluan dan kebergantungan sepenuhnya pada Pencipta Yang Maha Agung).

Kedua: *عدم التقيّد مع مباينة ماهيته* (kesempurnaan sifatnya-Nya yang tidak ada sempadan).

Ketiga: *عدم التحييز مع عدم التجزؤ* (Dia tidak terikat oleh ruang dan ketidakmampuan.)

Rahsia pertama:

Sesungguhnya *al-wujub wa al-tajarrud* menyebabkan kemudahan dan kesenangan yang mutlak. Rahsia ini amat dalam dan amat halus. Untuk mudah difahami, kita bawakan satu perbandingan, iaitu:

Sesungguhnya peringkat kewujudan itu berbeza dan alam makhluk yang ada itu juga berlainan. Oleh itu, atom yang datang daripada peringkat kewujudan yang teguh di alam ini, menyamai kewujudan sebuah bukit yang datang daripada pelbagai kewujudan yang keteguhannya hanya kurang sedikit: ia mengandungi sebuah bukit.

Misalnya: Kekuatan yang tersimpan dalam diri akal manusia – walaupun ia umpama menyamai sebutir biji sawi sahaja yang terdapat dalam alam nyata ini – mencapai kewujudan dengan kadar yang luas, seluas sebuah gedung buku yang besar dari alam maknawi.

Dan sebuah cermin yang kecil, sekecil kuku dari alam luar itu, mengandungi sebuah bandar yang amat besar sekali, yang datang daripada pelbagai peringkat kewujudan yang terdapat dalam alam mithali.

Dan sekiranya akal dan cermin dari alam luar itu mempunyai keinginan dan kekuatan untuk mencipta, sudah tentu mereka akan melakukan perubahan dan aktiviti yang tidak terbatas dalam alam mithali itu, walaupun kewujudan mereka di alam luar adalah sangat kecil sahaja. Hal ini bermakna semakin kewujudan itu teguh, bertambahlah kekuatan. Apa yang sedikit akan menjadi benda yang banyak.

Terutama jika telah memperoleh kewujudan kestabilan yang lengkap dilepaskan dan terpisah dari perkara-perkara material dan tidak terhad, hanya manifestasi yang kecil darinya akan dapat mengubah banyak benda di dalam alam kewujudan dunia ini.

وَاللَّهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَى : Sesungguhnya Pencipta Yang Maha Agung ini dan yang mencipta alam yang besar ini semestinyalah wujud, yakni kewujudan-Nya adalah zati dan azali serta abadi. Ketidakwujudan-Nya ditolak dan kebinasaan-Nya adalah mustahil sama sekali. Kewujudan Allah SWT merupakan peringkat kewujudan yang paling teguh dan kukuh, yang paling kuat dan paling sempurna, sedangkan peringkat-peringkat kewujudan yang lain hanyalah umpama bayang-bayang yang amat lemah berbanding dengan kewujudan-Nya.

Dan sesungguhnya kewujudan-Nya ini wajib, teguh dan mengandungi hakikat kebenaran hingga sampai ke tahap yang tidak terhingga besarnya. Dan kewujudan mumkinat (sesuatu yang mungkin) itu adalah lemah, teramat lemah sehingga Syeikh Mahyuddin bin Arabi dan ahli tahqiq yang lain menurunkan taraf semua peringkat kewujudan ke taraf angan-angan dan khayalan sahaja. Lalu dikatakan: “*Tiada benda yang wujud melainkan Dia*”. Mereka memutuskan bahawa tidak harus dikatakan kewujudan kepada benda lain selain Allah S.W.T yang wajib ada, kerana kewujudan yang seperti ini tidak berhak mendapat tanda kewujudan.

Beginilah, kewujudan makhluk yang merupakan kewujudan yang baru dan mumkinat yang dicipta dan

mempunyai kewujudan yang sangat lemah, dan tidak mempunyai kekuatan, berlaku dengan amat mudah di sisi qudrat Allah SWT; Tuhan yang wajib ada itu. Untuk menghidupkan semula semua roh yang ada di Padang Mahsyar yang luas itu dan menghakimi mereka adalah mudah di sisi qudrat Allah SWT, semudah menghimpunkan dan menghidupkan daun-daun, bunga-bunga dan buah-buahan pada musim bunga, bahkan di sebuah taman yang indah, malah pada seponon pokok.

Rahsia kedua:

Sesungguhnya perbezaan *mahiyah* (sifat semulajadi) dan ketidakterikatan menyebabkan kesenangan yang mutlak. Yang demikian itu, kerana Pencipta alam ini bukanlah terdiri daripada jenis alam – tidak syak lagi – jadi sifat-Nya tidak sama dengan mana-mana sifat. Oleh itu, halangan dan rintangan yang ada dalam daerah makhluk pastinya tidak dapat menghalang dan menyekat tindakan dan tanggungjawabnya. Dia berkuasa untuk mentadbir seluruh alam ini pada masa yang sama dan menguruskannya secara langsung.

Kalau sekiranya pengendalian urusan dan perbuatannya yang nyata di alam ini diubah atau diberikan kepada makhluk itu sendiri, sudah tentu banyak masalah dan kekacauan yang berlaku, yang mana tidak akan ada suatu peraturan pun yang kekal dan tidak akan ada suatu pun di alam ini, bahkan mereka tidak akan wujud sama sekali.

Contohnya: Sekiranya kemahiran membina kubah diberikan kepada batu-bata dan tugas menguruskan

pasukan tentera yang dikhususkan kepada pegawai diberikan kepada askar-askar, natijahnya, sama ada tidak akan tercapai dan tidak dapat wujud sama sekali, atau akan berlakulah kekecohan, dan masalah dalam pengurusan kerana ketiadaan peraturan. Akan tetapi, sekiranya kemahiran mencipta kubah-kubah itu diberikan kepada para pencipta yang bukan terdiri daripada jenis batu-bata dan pengurusan pasukan tentera itu diberikan kepada pegawai yang mempunyai sifat-sifat seorang pegawai, maka sudah tentu ciptaan menjadi senang dan pengurusan menjadi mudah. Hal ini kerana batu-bata dan askar-askar itu saling menghalang antara satu sama lain, sedangkan pencipta kubah dan pegawai tentera itu melihat, mentadbir dan menguruskan setiap perkara yang menyangkut pembinaan kubah atau pengurusan tentera tanpa dihalang dan disekat. **وَاللَّهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَى** Sesungguhnya *mahiyah* (sifat semulajadi) Allah SWT yang wajib ada itu tidak sama dengan sifat mumkinat, bahkan semua hakikat makhluk hanyalah merupakan sinaran-sinaran yang terpancar daripada nama *al-Haqq*, iaitu salah satu nama *al-Asma' al-Husna*; milik sifat tersebut.

Oleh kerana sifat semulajadi-Nya yang suci, wajib ada, bebas daripada sifat kebendaan, bersalahan dengan semua sifat makhluk yang lain dan tidak ada yang serupa dan setanding dengan-Nya, maka apabila pengurusan alam ini dan tarbiahnya diserahkan kepada qudrat Allah Yang Maha Agung lagi Azali itu, ia akan menjadi senang dan mudah, semudah menguruskan musim bunga dan semudah menguruskan sebatang pokok. Dan pewujudan hari Perhimpunan, hari Akhirat, Syurga dan Neraka adalah

senang dan mudah, semudah menghidupkan sepohon pokok pada musim bunga selepas ianya mati pada musim luruh.

Rahsia ketiga:

Sesungguhnya ketidakterikatan dengan ruang dan ketidakterpisahan menyebabkan kesenangan mutlak. Yang demikian itu:

Sesungguhnya Allah SWT; Pencipta Yang Maha Berkuasa terhindar daripada ruang dan tempat. Oleh itu, dengan qudrat-Nya, Dia pastinya hadir di setiap tempat. Zat-Nya tidak boleh dibahagi-bahagikan dan tidak boleh dipisah-pisahkan. Oleh itu, Dia boleh menjurus dan bertindak terhadap semua benda dengan semua nama *al-Asma al-Husna-Nya* itu.

Dan kerana Dia hadir di setiap tempat dan bertindak terhadap setiap benda, maka makhluk, perantaraan dan jirim tidak boleh menyekat dan menghalang perbuatan-Nya. Bahkan kalau diandaikan perbuatan-Nya berhajat kepada perantara maka sesungguhnya sama sekali tidak diperlukan. Mari kita menganggap bahawa ada beberapa keperluan hidup seperti wayar elektrik, dahan-dahan pokok, dan urat-urat pada manusia, akan menyerupai cara pemudahcaraan, kedatangan kehidupan, dan kepantasan dalam tindakan.

Oleh itu, marilah kita mengabaikan idea menghalang, menyekat campur tangan dan mengatakan bahawa di sana telah ada cara untuk memudahkan, mempercepatkan, dan menyatukan. Maksudnya, dari sudut pandangan ketaatan dan penyerahan semua perkara kepada penguasaan kuasa

Allah SWT Yang Maha Kuasa dan Maha Agung, tidak ada keperluan untuk mereka. Sekiranya terdapat keperluan-keperluan itu untuk mereka, ia akan menjadi cara untuk memudahkan.

Kesimpulannya:

Sesungguhnya Pencipta Yang Maha Berkuasa mencipta segala-galanya dalam bentuk yang sesuai tanpa masalah, tanpa menjalani sebarang proses, dengan cepat dan mudah. Ia dilakukan dengan amat mudah dan cepat. Allah SWT. mencipta benda yang umum dengan mudah dan senang, semudah dan sesenang mencipta benda yang khusus. Dia juga mencipta serta mengadakan benda yang khusus dengan baik, sebaik mencipta benda yang umum.

Ya! Sesungguhnya Pencipta alam semesta, Pencipta bumi dan langit ini merupakan Pencipta benda-benda yang khusus dan Pencipta benda-benda yang bernyawa, yang terkandung dalam langit dan bumi. Dialah yang mencipta, bukannya orang lain. Benda yang khusus ini hanyalah merupakan satu salinan kecil atau biji benih terhadap benda umum itu.

Sesungguhnya sesiapa yang menciptakan alam semesta, langit dan bumi, maka sesungguhnya dialah yang menciptakan apa-apa saja yang ghaib dan bernyawa di langit dan di bumi; apa sahaja selain Dia tidak boleh mencipta.

Butir-butir kecil adalah buah-buahan, biji, dan spesimen kecil alam universal. Selain itu, sesiapa yang mencipta butir-butir itu juga mestilah orang yang mencipta unsur-unsur,

langit dan bumi, yang merangkumi butir-butir itu kerana kita dapat melihat bahawa setiap butir-butir itu adalah seperti benih dan spesimen kecil alam universal. Oleh kerana itu, unsur-unsur sejagat, langit dan bumi mesti berada di tangan Dia yang mencipta butir-butir itu supaya, menurut prinsip-prinsip kebijaksanaan-Nya dan keseimbangan pengetahuannya, Dia dapat memasukkan inti, makna, sampel pada alam yang universal dan merangkumi semua termasuk butir-butir tersebut, yang seperti spesimen kecil mereka.

Sesungguhnya, dari sudut pandangan keajaiban seni dan keajaiban kreativitinya, tidaklah kurang hebatnya jika dibandingkan dengan alam universal; tidak ada bunga yang lebih rendah keajaibannya daripada bintang-bintang, atau benih yang lebih rendah keajaibannya daripada pokok.

Sesungguhnya, makna sebuah pokok yang merupakan inskripsi penentuan Ilahi yang terdapat di dalam benihnya, lebih indah daripada fizikalnya, yang merupakan tenunan kuasa Ilahi yang melahirkan sebuah taman itu. Manakala penciptaan manusia adalah lebih indah daripada penciptaan alam universal.

Jika Al-Qur'an yang penuh hikmah ditulis dalam partikel eter pada atom, ia akan jauh melampaui nilai Al-Qur'an yang Tinggi ditulis dalam bintang-bintang di wajah langit.

Begitu juga, terdapat butir-butir kecil yang lebih unggul daripada alam universal berhubung dengan keajaiban seni mereka.

Kelima:

Sebentar tadi kita telah menerangkan rahsia dan hikmat yang boleh dilihat dalam penciptaan benda dan makhluk yang dijadikan dengan amat mudah dan senang secara menyeluruh. Tugas-tugas itu juga dilakukan dengan amat pantas dan cepat.

Kewujudan benda-benda ini dengan sebegini mudah dan dengan amat pantas menimbulkan rasa keyakinan di kalangan orang-orang yang beriman bahawa sesungguhnya untuk mengadakan Syurga di sisi qudrat Allah SWT amatlah mudah, semudah mengadakan musim bunga, mengadakan musim bunga semudah mengadakan sebuah taman dan mengadakan sebuah taman semudah mengadakan sekuntum bunga. Dengan logik yang sama, semua manusia akan dibangkitkan tanpa ada pengecualian. Mereka akan dibangkitkan dengan mudah, semudah mereka dimatikan. Hal ini semua terkandung dalam firman Allah SWT.

مَا خَلَقْنَاكُمْ وَلَا بَعَثْنَاكُمْ إِلَّا كَنَفْسٍ وَاحِدَةً

Maksudnya: “Menciptakan dan membangkitkan kamu, hanyalah sebagai menciptakan satu diri saja”. (Luqman:28)

Beginilah ... untuk menghidupkan semua manusia pada Hari Kebangkitan nanti adalah mudah, semudah mengumpulkan para tentera yang bertaburan yang sedang berehat dengan menggunakan suara wisel. Perkara ini juga terkandung dengan jelas dalam firman Allah SWT:

إِنْ كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَدَيْنَا مُحْضَرُونَ

Maksudnya: “Itu hanya suatu suara keras dan ketika itu mereka semuanya dibawa ke hadapan Kami”. (Yasin: 53)

Kepantasan yang tidak terkira dan kemudahan yang tidak terbatas ini, dengan pasti, ia merupakan dalil dan bukti yang kuat lagi benar di atas kesempurnaan qudrat Allah SWT yang semua benda mudah di sisi-Nya, tetapi ia menjadi sebab dan punca yang mengelirukan bagi orang-orang yang sesat. Semua benda yang diwujudkan dan diciptakan dengan begitu mudah dan senang oleh Pencipta – hingga sampai ke tahap pasti – mengaburkan dan mengelirukan pandangan mereka, sehingga mereka menganggap benda-benda tersebut terjadi dengan sendirinya. Hal ini kerana mereka melihat kehadiran beberapa perkara yang di anggap biasa ke alam ini adalah terlalu mudah. Jadi, mereka menyangka benda-benda itu tidak dicipta oleh sesiapa, bahkan ia terjadi dengan sendirinya.

Mereka membuat penelitian dalam keadaan telampau bodoh dan dungu sehingga mereka menjadikan bukti kekuasaan Allah Yang Mutlak itu sebagai bukti bahawa Allah itu tiada. Mereka membuka pintu kemustahilan yang tidak berpenghujung. Pada waktu itu, setiap unsur makhluk akan diberi sifat dan gambaran-gambaran yang sempurna, yang hanya merupakan milik Allah; Pencipta Yang Maha Agung ini, seperti kekuasaan mutlak, ilmu yang menyeluruh dan sebagainya sehingga ia boleh menjadikan diri-Nya sendiri.

Perkataan kesebelas: وَالْيَهُ الْمَصِيرُ

Yakni: Kepada-Nyalah kita akan kembali. Dari alam yang binasa ini, kita akan pergi ke alam yang kekal abadi. Kepada-Nya kita akan pulang, iaitu dari daerah sebab yang banyak ke daerah kekuasaan Allah Yang Maha Esa. Kepada-Nya kita akan pergi, iaitu dari dunia ke akhirat. Maksudnya, tempat kembali anda semua nanti ialah dewan-Nya dan tempat perlindungan anda semua ialah rahmat-Nya. Dan begitulah ... perkataan ini menerangkan banyak kebenaran yang seumpama ini.

Antara kebenaran yang terdapat dalam kebenaran-kebenaran ini, yang membawa pengertian bahawa kita akan kembali ke Syurga dan menerima kebahagiaan yang berkekalan telah dibuktikan dengan dalil yang kukuh, yang tidak perlu diterangkan lagi. Yang demikian itu, boleh dilihat alam dua belas bukti yang meyakinkan yang diutarakan dalam Kalimat ke-10 dan dalam 6 asas yang disebut dalam Kalimat ke-29. Dalil-dalilnya banyak dan kukuh seperti matahari yang pastinya akan terbit semula selepas ia tenggelam. Dua perkara ini dibuktikan oleh 2 ungkapan, iaitu:

Kehidupan ini ibarat matahari maknawi kepada dunia ini. Ia akan terbit selama-lamanya pada hari Kebangkitan manusia selepas ia tenggelam dek kebinasaan dunia. Sebahagian jin dan manusia akan mendapat kebahagiaan yang berkekalan dan sebahagian mereka akan menerima azab yang berterusan.

Oleh kerana Kalimat ke-10 dan ke-29 telah membuktikan

kebenaran ini dengan begitu baik, maka kita alihkan perbincangan kita kepada kata-kata di bawah:

Sesungguhnya Pencipta alam dan Pencipta manusia ini, yang mempunyai ilmu yang menyeluruh dan mutlak, yang mempunyai kehendak dan kekuasaan yang mutlak – seperti yang dibuktikan dengan dalil yang kukuh dan benar dalam penerangan-penerangan terdahulu – telah menjanjikan syurga dan kebahagiaan yang berkekalan untuk orang-orang yang beriman dalam semua kitab suci-Nya yang diturunkan dari langit. Dia telah menjanjikannya, sudah tentu Dia akan menunaikan janji tersebut kerana tidak mungkin Dia akan memungkiri janji-Nya. Lagipun mungkir janji merupakan satu kekurangan yang mengaibkan. Dan kesempurnaan yang mutlak itu suci dan terhindar daripada kekurangan tersebut. Tidak menunaikan janji, terjadi sama ada daripada kejahilan ataupun kelemahan. Perkara ini adalah mustahil bagi hak kekuasaan yang mutlak itu dan bagi Dia yang mengetahui semua perkara; mengetahui yang jahil atau yang lemah. Jadi, mungkir janji adalah mustahil bagi Allah SWT.

Tambahan pula, semua Nabi A.S. dan diketuai oleh Nabi Muhammad SAW, iaitu yang menjadi kemegahan alam, para aulia, para nabi dan semua orang yang beriman sentiasa berdoa, memohon dan merayu ke hadrat Allah SWT. Yang Maha Pengasih lagi Maha Pemurah itu apa yang dijanjikan-Nya, iaitu kebahagiaan yang berkekalan.

Di samping itu mereka memohon kebahagiaan itu, dengan menggunakan semua nama *Asma al-Husna-Nya*,

kerana nama-nama itu yang didahului dengan rasa kasihan belas-Nya, rahmat-Nya, keadilan dan kebijaksanaan-Nya dan nama *al-Rahman, al-Rahim, al-Adil* dan *al-Hakim* serta *Rububiyah-Nya* yang mutlak dan kesultanan-Nya yang hebat, nama *al-Rabb*, nama Allah dan seumpamanya yang terdiri daripada sebahagian nama *Asma al-Husna-Nya*, menuntut hari Akhirat dan kebahagiaan yang abadi. Nama-nama itu memerlukan, ia naik saksi untuk mendapatkannya dan ia juga menunjukkan Hari Akhirat, bahkan semua makhluk yang ada ini dengan semua hakikatnya menunjukkan Hari Akhirat sebagaimana yang dinyatakan dalam Kalimat ke-10.

Beribu-ribu ayat suci al-Quran al-Karim dan dalil-dalilnya yang jelas lagi benar itu memberitahu dan menunjukkan kebenaran tersebut.

Nabi Muhammad SAW yang merupakan kemegahan manusia dan kekasih yang mulia telah mengkaji kebenaran itu, mengajarkannya, membuktikannya, menyebarkannya, melihat dan naik saksi ke atasnya. Baginda bersandarkan kepada ribuan mukjizatnya yang mengagumkan, di samping hidupnya yang penuh berkat itu dan dengan semua kekuatan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepadanya.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ بِعَدَدِ
 أَنْفَاسِ أَهْلِ الْجَنَّةِ فِي الْجَنَّةِ وَأَحْسِرْنَا وَنَاشِرَ - هَذَا الْمَكْتُوبِ -
 وَرُقَفَائِهِ وَصَاحِبِهِ سَعِيدًا وَوَالِدَيْنَا وَأَخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا تَحْتَ لَوَائِهِ
 وَارزُقْنَا شَفَاعَتَهُ وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ إِلِهِ وَأَصْحَابِهِ بِرَحْمَتِكَ يَا
 أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ آمِينَ آمِينَ

Selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW , ke atas ahli keluarga baginda, para sahabatnya; selawat dan salam yang teramat banyak, sebanyak nafas ahli Syurga yang berada di dalam Syurga. Ya Allah ya Tuhan kami! Bangkitlah kami, penulis buku ini, kedua ibu bapa kami dan sahabat handai kami di Akhirat nanti dalam keadaan gembira dan bahagia. Letakkanlah kami semua di bawah naungannya dan berilah kepada kami syafaatnya. Masukkanlah kami di dalam Syurga bersama-sama dengan ahli keluarga baginda dan para sahabatnya. Perkenankanlah permintaan kami ini ya Allah; ya Arham al-Rahimin. Amin!

رَبَّنَا تَعَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

وَتُوبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

LAMPIRAN

Perkataan Kesepuluh daripada Risalah yang Kedua Puluh

Dengan nama Allah SWT

بِاسْمِهِ سُبْحَانَهُ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya: “Ketauhilah, hanya dengan mengingati Allah itu, hati menjadi tenteram.” (al-Ra`ad: 28)

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَجُلًا فِيهِ شُرَكَاءُ مُتَشَاكِسُونَ

Maksudnya: “Allah membuat perumpamaan: Seorang yang menjadi kepunyaan beberapa orang lain bersekutu dan berselisih satu sama lain;” (al-Zumar: 29)

Soalan:

Anda telah berkata di banyak tempat bahawa dalam keesaan Ilahi terdapat kemudahan yang tidak terhingga dan dalam kepelbagaian dan dalam mempersekutukan-Nya terdapat kesukaran yang tidak berkesudahan; bahawa terdapat kemudahan dalam kesatuan Ilahi yang diperlukan dan kesukaran dalam mempersekutukan Tuhan, sehingga ianya menjadi mustahil.

Sedangkan, kesukaran dan kemustahilan yang anda tunjukkan juga hadir dalam keesaan.

Sebagai contoh, anda mengatakan bahawa “*jika zarah bukannya pegawai, ia adalah perlu untuk sama ada mempunyai pengetahuan merangkumi semua atau mempunyai kuasa mutlak atau adalah seperti mesin dan mesin pencetak bukan material yang tidak terhitung banyaknya untuk hadir dalam setiap zarah itu. Ini sudah tentu mustahil sama sekali.*”

Walaupun zarah-zarah itu adalah pegawai-pegawai Ilahi, ia masih perlu bagi mereka untuk memikul kualiti yang sama supaya mereka akan dapat melaksanakan tugas teratur mereka yang tidak berkesudahan. Bolehkah anda menyelesaikan masalah ini untuk saya?

Contohnya: Anda katakan sekiranya atom-atom itu tidak pernah diperintah dan disuruh, sudah tentu dalam setiap atom itu, sama ada terdapat ilmu yang menyeluruh, kekuasaan yang mutlak atau mesin-mesin yang tidak ada had dan batasnya. Dan perkara ini adalah mustahil, beratus kali ganda mustahilnya, sedangkan sekiranya atom-atom itu tertakluk di bawah perintah dan suruhan Allah SWT, sudah tentu ia menjadi sebahagian daripada perkara-perkara tersebut dan berupaya melakukan tugas-tugas yang diserahkan kepadanya, iaitu tugas-tugas yang tiada batasnya.

Jawapan:

Kami telah menerangkan dan membuktikan dalam

banyak tempat di dalam kitab al-Kalimat bahawa jika semua makhluk dikaitkan dengan satu Pencipta, penciptaan mereka menjadi mudah dan semudah seperti satu makhluk. Jika ia dikaitkan dengan pelbagai sebab-akibat dan kepada alam semula jadi, ciptaan seekor lalat menjadi menjadi sesukar ciptaan cakrawala, bunga sesukar ciptaan musim bunga, ciptaan sebiji buah sesukar ciptaan sebuah taman kebun.

Oleh kerana perkara ini telah dibuktikan dalam Kalimat-kalimat yang lain, kami merujuk anda ke sana dan di sini kami hanya menjelaskan tiga perbandingan, melalui tiga petunjuk, yang akan menenangkan jiwa dan menerangkan fikiran dalam menghadapi hakikat tersebut.

Perbandingan pertama:

Sebagai contoh, bintang kecil berkilauan lutsinar tidak boleh dengan sendirinya menempatkan cahaya seukuran kepala mancis, dan ia juga tidak boleh menjadi puncunya. Ia hanya mampu mempunyai cahaya, dalam dirinya sendiri, sebesar zarah kecil, mengikut kapasitinya dan setakat jisimnya sendiri.

Tetapi jika bintang itu bersambung dengan matahari, jika ia membuka matanya dan melihatnya, ia akan dapat memahami matahari yang besar itu bersama-sama cahayanya, tujuh warna, kepanasan, dan juga jaraknya; iaitu ia akan dapat memaparkan sejenis manifestasi yang lebih besar. Maksudnya, jika bintang itu kekal dengan sendirinya, ia akan dapat melaksanakan fungsi hanya setakat zarah, sedangkan jika ia dianggap sebagai pegawai

matahari, dan disambungkan kepadanya dan merupakan cermin kepadanya, ia akan dapat memaparkan contoh tertentu separa fungsi matahari, umpama seperti matahari itu sendiri.

Oleh itu, **وَلِلَّهِ الْمَثَلُ الْأَعْلَى** (Dan bagi Allah jualah sifat yang tertinggi) (16:60) jika semua makhluk, semua zarah, dikaitkan dengan kepelbagaian, sebab-akibat, semula jadi, diri mereka sendiri, atau kepada sesuatu selain daripada Tuhan, maka setiap daripada mereka mesti, sama ada mempunyai pengetahuan yang merangkumi segala-galanya dengan kuasa mutlak, atau seperti mesin atau mesin cetak yang tidak terhitung banyaknya mesti terbentuk dalam setiap satunya, supaya ia dapat menjalankan tugas-tugas yang penuh keindahan itu. Sebaliknya jika zarah-zarah itu dikaitkan dengan Tuhan Yang Tunggal lagi Esa, setiap satu daripada mereka, setiap artifak, menjadi terhubung kepada-Nya; seolah-olah ia menjadi pegawai-Nya dan membolehkan ia memaparkan manifestasi-Nya. Dan melalui hubungan dan manifestasi ini, ia bergantung pada pengetahuan dan kuasa yang tidak terhingga.

Oleh itu, sebab misteri perkaitan dan pergantungan ini adalah, ia mampu melaksanakan fungsi dan tugas yang jauh melebihi kuasanya sendiri, melalui kuasa Penciptanya.

Perbandingan yang kedua:

Sebagai contoh, terdapat dua orang adik-beradik, seorang berani dan memilih untuk berdikari, seorang lagi patriotik dan memilih untuk berbakti kepada negaranya.

Apabila perang meletus, orang yang bergantung pada dirinya sendiri tidak membentuk apa-apa hubungan dengan negara; dia mahu melaksanakan segalanya sendiri. Oleh itu, dia terpaksa membawa sumber tenaganya sendirian, dan mengangkut, sejauh kekuatannya dibenarkan, peralatan dan pelurunya. Sesuai dengan kekuatan dirinya yang kecil, dia hanya mampu bertarung dengan seorang koperal tentera musuh; untuk berbuat lebih banyak dari itu adalah di luar kemampuannya.

Saudaranya seorang lagi pula tidak bergantung pada dirinya sendiri; dia tahu dirinya lemah dan tidak berkuasa sehingga membuatnya menjalin hubungan dengan raja dan didaftarkan dalam tentera. Melalui hubungan ini, pasukan tentera yang besar menjadi sumber sokongan untuknya. Dan kerana sokongan ini, dia telah terjun ke dalam peperangan dengan kekuatan moral tentera di belakangnya di bawah naungan raja. Apabila dia bertemu dengan seorang marsyal tentera yang hebat dari pihak musuh yang kalah, dia mengisytiharkan atas nama rajanya sendiri: "*Saya telah menawan kamu! Cepat bergerak!*" Dia menangkapnya dan menyerahkannya.

Maksud keadaan ini dan hikmah di dalamnya adalah begini:

Lelaki pertama, yang memilih untuk berdikari terpaksa membawa peralatan dan sumber kekuatannya sendiri, perkhidmatan yang dapat dia lakukan adalah sangat terhad.

Manakala saudaranya yang memilih untuk menjadi pegawai raja tidak perlu membawa sumber kekuatannya;

sebaliknya askar-askar di bawah arahan tentera raja akan membawa untungnya

Sama seperti menyambungkan penerima ke talian telegraf dan telefon yang sedia ada dengan wayar kecil, lelaki itu melalui sambungan yang dibentuknya, menghubungkan dirinya dengan kuasa yang tidak terhingga.

Oleh itu, **وَاللَّهُ الْمَوْلَىٰ أَعْلَىٰ** “Dan kepunyaan Allah perumpamaan yang paling tinggi ,”(16:60) jika semua makhluk, semua zarah, dikaitkan secara langsung kepada Yang Tunggal lagi Esa dan jika mereka dihubungkan kepada-Nya, melalui kuasa sambungan dan melalui Tuhannya, atas perintah-Nya, seekor semut boleh merobohkan istana Firaun; seekor lalat boleh membunuh Nimrod dan menghantarnya ke Neraka; kuman boleh menghantar seorang yang zalim ke kubur; biji benih sebesar biji gandum menjadi bengkel dan jentera untuk menghasilkan pokok pain sebesar gunung; dan zarah udara dapat beroperasi dengan cekap dan sistematik dalam fungsi dan struktur yang berbeza bagi semua bunga dan buah. Semua kesenangan dan kemudahan ini jelas timbul daripada hubungan dan pertalian sebagai seorang pegawai raja.

Jika makhluk yang dimaksudkan itu kembali kepada kebebasannya, jika dibiarkan pada sebab-akibat, kepelbagaian, dan kepada dirinya sendiri, ia menempuh jalan mempersekutukan Tuhan, maka khidmat yang akan dapat dilakukannya hanya setakat entiti fizikalnya dan

pada tahap kesedarannya.

Perbandingan yang ketiga:

Sebagai contoh, terdapat dua orang rakan yang ingin menulis karya geografi dan statistik mengenai negara yang tidak pernah mereka lihat.

Salah seorang daripada mereka menjalin hubungan dengan raja dan memasuki pejabat telegraf dan telefon. Dengan sekeping wayar bernilai beberapa kurush, dia menyambungkan penerima telefonnya ke talian negeri dan dapat berkomunikasi dengan mana-mana tempat dan menerima maklumat. Dia menulis karya geografi dan statistik yang disusun dengan sempurna dan tersusun dengan baik.

Bagi lelaki yang kedua, sama ada dia perlu melakukan perjalanan berterusan selama lima puluh tahun dan melihat di mana-mana dan mengetahui setiap peristiwa dengan susah payah, atau jika tidak, menghabiskan berjuta-juta lira yang dia perlu menjadi pemilik, seperti raja, sistem telegraf dan telefon seluas negeri supaya dia dapat menulis karya yang sempurna seperti rakannya.

Begitu juga, **وَاللَّهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَى**, “Dan kepunyaan Allah adalah perumpamaan yang paling tinggi,” (16:60) jika benda dan makhluk yang tidak terhitung banyaknya dinisbahkan kepada Yang Tunggal lagi Esa, melalui pertalian itu setiap perkara menjadi tempat manifestasi-Nya.

Dengan memaparkan manifestasi Matahari Pra-Abadi, ia memperoleh hubungan dengan undang-undang

kebijaksanaan-Nya, prinsip-prinsip pengetahuan-Nya, dan ketetapan kuasa-Nya.

Kemudian, melalui kekuatan dan kuasa Ilahi, ia memaparkan manifestasi dominan sehingga ia memperoleh mata yang melihat segala sesuatu, wajah yang memandang ke semua tempat, dan kata-kata yang mempunyai kesan dalam semua perkara.

Sekiranya sambungan terputus, semua perkara-perkara itu juga akan terputus dari segala-galanya, ia akan terhimpit ke dalam kekerdilan kemampuannya sendiri. Oleh itu, dia mesti mempunyai kuasa Ilahi supaya dia dapat melihat karya-karya yang telah dilihatnya sebelum ini.

Intisari perbincangan:

Sesungguhnya dalam jalan keesaan dan keimanan terdapat kemudahan yang mutlak sehingga sampai ke tahap wajib, sedangkan dalam jalan kesyirikan, sebab dan hal yang banyak, terdapat pelbagai kesukaran dan masalah sehingga sampai ke tahap mustahil. Hal ini kerana al-Wahid (Allah Yang Satu) memberi kedudukan tertentu kepada banyak perkara dan natijah akan dicapai tanpa perlu melalui halangan dan masalah, sedangkan kalau keadaan dan pencapaian natijah tersebut diberikan kepada banyak benda, kesemua itu tidak boleh dicapai kecuali dengan kesulitan dan kesukaran yang banyak dan dengan tindakan yang amat banyak.

Sebagai contoh, seperti yang dinyatakan dalam Maktubat Ketiga, setiap malam, setiap tahun, ekspedisi yang

berkilauan dan laluan mengagungkan Tuhan dicapai dengan menggerakkan tentera-tentera bintang di angkasa raya di bawah arahan matahari dan bulan. Inilah keadaan angkasa raya yang memikat dan menawan. Dalam masa yang sama pergantian musim dan urusan penting lain telah berlaku; dan ini adalah hasil tinggi yang terhasil dari gerakan bumi. Jika keadaan langit dan hasil bumi berputar disabitkan ke atas keesaan Ilahi, Sultan Yang Azali dengan mudah Dia mampu melantik seorang askar seperti bebola bumi sebagai komander segala bintang di angkasa untuk mencapai segala natijahnya. Selepas ia menerima perintahnya, bumi akan bangkit dengan sukacita atas pelantikannya untuk berputar dan berzikir dengan menyebut nama-nama Tuhan seperti seorang darwis Mevlevi.

Dengan sedikit usaha ini, keadaan yang menarik akan diperolehi dan hasil yang ketara dapat dicapai.

Namun, jika dikatakan kepada bumi: "*Kamu berhenti di mana kamu berada, jangan campur!*"; dan jika untuk mendapatkan hasil dan keadaan yang sama, ia dirujuk kepada angkasa; dan jika jalan kepelbagaian dan syirik terhadap keesaan Tuhan di ambil, setiap hari dan setiap tahun, untuk menggerakkan berjuta-juta bintang yang beribu-ribu kali lebih besar daripada bebola bumi untuk menempuh jarak berjuta-juta tahun dalam dua puluh empat jam dan setahun akan menjadi mustahil.

Kesimpulannya:

Sesungguhnya al-Qur'an al-Karim dan orang-orang yang beriman menyerahkan semua urusan makhluk yang tidak terbatas itu kepada Pencipta Yang Satu dan semua benda terus disandarkan kepada-Nya. Maka ia akan menempuh jalan yang mudah, hingga sampai ke tahap wajib atau mesti, yang diharapkan dan begitulah yang dilakukan oleh orang-orang yang beriman dan apa yang mereka anjurkan untuk semua manusia.

Adapun orang yang syirik dan sesat, di sebalik bersandar dan bergantung pada Allah SWT. Yang Maha Esa, mereka juga bergantung pada sebab yang tiada batas itu. Sementara orang-orang yang sesat, yang mempersekutukan Tuhan, dengan mengaitkan satu makhluk dengan sebab dan akibat yang tidak terhitung banyaknya, menempuh jalan yang penuh dengan kesulitan sehingga mustahil.

Dalam hal ini, orang-orang yang berada di jalan al-Quran bersama-sama dengan semua makhluk, dan orang-orang yang berada di jalan sesat, dengan hanya satu makhluk.

Atau dengan kata lain, mengeluarkan semua perkara daripada satu adalah jauh lebih mudah daripada mengeluarkan satu perkara daripada banyak.

Dengan cara yang sama seperti seorang pegawai memerintah seribu askar semudah seorang askar, jika perintah seorang askar ditugaskan kepada seribu pegawai, ia akan menjadi sesukar memerintah seribu askar, ia akan menyebabkan huru-hara.

Oleh itu, ayat yang kuat ini melemparkan hakikat kebenaran kepada mereka yang mempersekutukan Tuhan, menghancurkan ketidakpercayaan mereka:

ضَرَبَ اللهُ مَثَلًا رَجُلًا فِيهِ شُرَكَاءُ مُتَشَاكِسُونَ وَرَجُلًا سَلَمًا
لِرَجُلٍ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلَاكُثْرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ بَعْدَ ذَرَاتِ الْكَائِنَاتِ وَ
عَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ آمِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dengan selawat yang banyaknya sama dengan jumlah para makhluk; selawat dan salam ke atas ahli keluarga dan para sahabat baginda. Amin ... Dan segala puji-pujian hanya untuk Allah; Tuhan sekalian alam.

اللَّهُمَّ يَا أَحَدُ يَا وَاحِدُ يَا صَمَدُ يَا مَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ يَا مَنْ لَهُ الْمُلْكُ وَ لَهُ الْحَمْدُ وَ يَا مَنْ يُحْيِي وَ
يُمِيتُ يَا مَنْ بِيَدِهِ الْخَيْرُ يَا مَنْ هُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ * يَا
مَنْ إِلَيْهِ الْمَصِيرُ بِحَقِّ أَسْرَارِ هَذِهِ الْكَلِمَاتِ اجْعَلْ نَا شِرَ هَذِهِ
الرِّسَالَةِ وَ رُفْقَانَهُ وَ صَاحِبَهَا سَعِيدًا مِنَ الْمُؤَحِّدِينَ الْكَامِلِينَ
وَمِنَ الصِّدِّيقِينَ الْمُحَقِّقِينَ وَ مِنَ الْمُؤَمِّنِينَ الْمُتَّقِينَ آمِينَ *
اللَّهُمَّ بِحَقِّ سِرِّ أَحَدِيَّتِكَ اجْعَلْ نَاشِرَ هَذَا الْكِتَابِ نَاشِرًا لِأَسْرَارِ
التَّوْحِيدِ وَ قَلْبَهُ مَظْهَرًا لِأَنْوَارِ الْإِيمَانِ وَ لِسَانَهُ نَاطِقًا بِحَقِّ نِقِ
الْقُرْآنِ آمِينَ آمِينَ آمِينَ

Ya Allah ya Tuhan kami; Tuhan Yang Satu; yang tidak ada sekutu bagi-Nya; yang memiliki segala sesuatu; yang memiliki segala puji-pujian; yang menghidupkan dan mematikan; yang berkuasa di atas segala-galanya; yang kepada-Nya kita akan kembali ... Ya Allah ya Tuhan kami! Dengan rahsia-rahsia perkataan ini, masukkan penulis buku ini, sahabat handainya dan rakan taulannya ke dalam golongan orang-orang yang bersatu hati, orang-orang yang benar dan orang-orang yang beriman serta bertakwa. Amin, ya Rabb al-alamin!

